

BAB 5

PERBINCANGAN, RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Kajian ini bertujuan untuk menilai sejauh mana proses pelaksanaan program Mata Pelajaran Vokasional-Landskap dan Nurseri (MPV-LN) dijalankan seperti yang dirancang di peringkat sekolah menengah. Oleh itu, bab ini akan membincang dan merumuskan dapatan kajian bagi menjawab objektif kajian iaitu menilai pelaksanaan program MPV-LN di peringkat sekolah. Perbincangan dapatan kajian dibuat berdasarkan analisis secara deskriptif dan kualitatif yang telah dibuat dalam Bab 4 untuk menjawab soalan-soalan kajian.

Data kajian dipungut melalui borang soal selidik, pemerhatian dan temu bual yang relevan. Analisis secara deskriptif adalah berdasarkan nilai min daripada pandangan guru MPV-LN seramai 42 orang dan pandangan murid MPV-LN seramai 321 orang. Analisis kualitatif pula adalah berdasarkan pemerhatian di lima buah sekolah menengah, temu bual dengan lima orang guru MPV-LN dan lima kumpulan murid (*focus group*) MPV-LN serta temu bual dengan lima orang murid lepasan program MPV-LN. Seterusnya, bab ini turut membincangkan implikasi dan cadangan menambah baik program MPV-LN, cadangan kerangka konseptual penilaian pelaksanaan program MPV-LN serta cadangan untuk kajian lanjutan yang berkaitan dengan pelaksanaan MPV-LN.

5.2 Perbincangan Dapatan Kajian

Perbincangan dapatan kajian bermula dengan perbincangan mengenai profil sampel kajian. Ini diikuti dengan perbincangan dapatan kajian di bawah empat dimensi penilaian iaitu dimensi konteks, dimensi input, dimensi proses dan dimensi produk berlandaskan soalan-soalan kajian dalam Bab 1 seperti berikut:

(i) Perbincangan dimensi konteks - perbincangan tentang keperluan guru MPV-LN yang tidak dipenuhi ditinjau dengan menilai kursus-kursus MPV-LN yang telah diikuti oleh guru MPV-LN; (ii) Perbincangan dimensi input - perbincangan tentang peralatan MPV-LN dan kemudahan bengkel MPV-LN dinilai dari segi kecukupan, kesesuaian dan kefungsi kedua-dua input tersebut; (iii) Perbincangan dimensi proses - perbincangan tentang lima aspek pelaksanaan program MPV-LN iaitu pelaksanaan langkah-langkah keselamatan, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran, peluang yang diberi kepada murid MPV-LN melakukan aktiviti mengikut keupayaannya, pengetahuan murid MPV-LN mengenai hak dan tanggungjawabnya dalam pentaksiran kompetensi dan halangan utama yang dihadapi oleh guru MPV-LN; dan, (iv) Perbincangan dimensi produk - perbincangan tentang produk program MPV-LN (murid lepasan program MPV-LN) iaitu bagaimana program MPV-LN yang telah diikuti membantu murid lepasan program MPV-LN dalam kehidupan sehariannya.

5.2.1 Perbincangan tentang Profil Sampel Kajian

Profil sampel kajian iaitu guru MPV-LN dan murid MPV-LN dibincangkan dalam bahagian-bahagian berikut.

Guru MPV-LN

Berdasarkan dapatan kajian, didapati 45.2% daripada guru MPV-LN adalah dalam lingkungan umur antara 30 hingga 39 tahun yang menjadi majoriti responden dalam kajian ini. Guru MPV-LN yang berumur antara 40 hingga 49 tahun ialah 35.7% manakala cuma 7.2% guru MPV-LN berumur 50 tahun ke atas. Keadaan ini menunjukkan kebanyakan guru yang mengajar MPV-LN berumur kurang daripada 40 tahun.

Dapatan kajian juga menunjukkan 90.5% guru MPV-LN merupakan guru siswazah. Namun begitu, cuma 23.8% guru MPV-LN telah memperoleh pendidikan dengan pengkhususan dalam bidang Landskap dan Nurseri (LN) sebelum menjadi guru MPV-LN. Ini bermaksud kebanyakan guru MPV-LN bergantung kepada kursus dan latihan yang dihadiri untuk mendapatkan pengetahuan serta kemahiran yang diperlukan untuk mengajar MPV-LN di sekolah. Tambahan pula, majoriti guru MPV-LN iaitu 57.1% mempunyai pengalaman mengajar MPV-LN kurang daripada 6 tahun.

Dilihat dari segi beban kerja, didapati kebanyakan sampel guru MPV-LN (52.4%) memegang jawatan pentadbiran seperti Ketua Panitia, Guru Penolong Kanan dan Ketua Bidang. Ini menunjukkan lebih daripada separuh guru MPV-LN mempunyai tugas pentadbiran tambahan di samping mengajar MPV-LN. Didapati juga, majoriti guru MPV-LN iaitu 61.9% mempunyai jumlah waktu mengajar lebih daripada 18 waktu dalam seminggu. Tambahan pula, 16.7% guru MPV-LN tidak mendapat perkhidmatan pembantu bengkel dan 9.5% guru pula berkongsi pembantu bengkel. Hal ini menunjukkan kebanyakan guru MPV-LN memikul beban kerja yang banyak.

Berdasarkan dapatan kajian, 73.8% guru MPV-LN yang menjadi responden kajian ini mengajar di sekolah luar bandar berbanding 26.2% guru MPV-LN mengajar di sekolah bandar. Hal ini menunjukkan kebanyakan sekolah yang menawarkan MPV-

LN ialah sekolah-sekolah luar bandar. Majoriti guru MPV-LN (54.8%) mengajar satu kelas MPV-LN. Hal ini menunjukkan kebanyakan sekolah yang menawarkan program MPV-LN mempunyai lebih daripada seorang guru MPV-LN kerana seorang guru mengajar kelas Tingkatan 4 manakala seorang lagi mengajar kelas Tingkatan 5. Dalam pada itu, 31.0% guru MPV-LN mengajar bilangan murid kurang daripada 20 orang. Hal ini menunjukkan terdapat beberapa sekolah mempunyai kelas MPV-LN di bawah kapasiti kerana bilangan murid minimum yang dicadangkan untuk satu kelas MPV ialah seramai 20 orang (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2003).

Murid MPV-LN

Berdasarkan dapatan kajian, didapati majoriti responden murid MPV-LN (80.4%) ialah murid lelaki. Hal ini menunjukkan ramai murid lelaki tertarik dengan program MPV-LN daripada murid perempuan. Murid perempuan kurang minat, mungkin kerana program MPV-LN melibatkan aktiviti amali yang memerlukan tenaga fizikal.

Dapatan kajian juga menunjukkan majoriti responden murid MPV-LN (73.8%) yang mengikuti program MPV-LN adalah berbangsa Melayu. Hal ini demikian kerana kebanyakan sekolah yang menawarkan program MPV-LN ialah sekolah-sekolah luar bandar, yang majoriti murid sekolah terdiri daripada murid Melayu. Dilihat kepada pencapaian (Gred) Kemahiran Hidup di peringkat PMR, didapati hanya 36.7% responden murid MPV-LN telah mendapat sama ada Gred A atau Gred B manakala 58.9% responden murid MPV-LN telah mendapat sama ada Gred C atau Gred D dalam Kemahiran Hidup di peringkat PMR. Dalam pada itu, didapati 4.4% responden murid MPV-LN tidak lulus Kemahiran Hidup di peringkat PMR tetapi sedang mengikuti program MPV-LN. Hal ini menunjukkan pencapaian akademik kebanyakan murid MPV-LN adalah kurang baik. Seterusnya, perkara ini juga menunjukkan syarat

kelulusan minimum iaitu perolehan gred sekurang-kurangnya gred D dalam Kemahiran Hidup untuk mengikuti program MPV-LN tidak dipatuhi dengan ketat oleh beberapa buah sekolah.

Dalam pada itu, didapati hampir separuh responden murid MPV-LN iaitu 48.6% telah menyatakan bahawa sekolah mereka tidak mengendalikan taklimat/ceramah MPV-LN dan lebih daripada separuh responden murid MPV-LN iaitu 67.6% telah menyatakan bahawa sekolah mereka tidak mengadakan ujian minat/kecenderungan untuk memilih murid MPV-LN. Begitu juga, lebih daripada separuh responden murid MPV-LN iaitu 62.0% telah menyatakan bahawa pihak sekolah tidak meminta kebenaran bertulis ibu/bapa mereka untuk mereka mengikuti program MPV-LN di sekolah. Hal ini menunjukkan bahawa kebanyakan sekolah tidak mematuhi beberapa syarat atau peraturan yang ditetapkan dalam buku panduan pelaksanaan MPV-LN. Dapatan kajian menunjukkan hampir semua responden murid MPV-LN berminat belajar MPV-LN kerana sebanyak 96.6% responden murid MPV-LN berminat untuk belajar MPV-LN. Hal ini menunjukkan kebanyakan murid MPV-LN mengikuti program MPV-LN atas minat mereka sendiri dan tidak dipaksa untuk mengikuti program tersebut.

5.2.2 Perbincangan tentang Dimensi Konteks

Dalam dimensi konteks ini, kursus-kursus MPV-LN yang telah dilaksanakan untuk guru-guru MPV-LN dinilai untuk melihat sejauh mana kursus-kursus tersebut memenuhi keperluan guru MPV-LN untuk melaksanakan program MPV-LN di peringkat sekolah.

5.2.2.1 Memenuhi Keperluan Guru MPV-LN

Pada keseluruhannya, guru MPV-LN hampir tidak pasti sama ada kursus-kursus MPV-LN yang telah diikuti memenuhi keperluannya untuk melaksanakan program MPV-LN di sekolah sungguhpun pencapaian skor min puratanya iaitu 3.41 berada di antara 3.41 – 4.20. Guru MPV-LN bersetuju bahawa kursus-kursus yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran modular MPV-LN, pentaksiran kompetensi MPV-LN, kurikulum MPV-LN, dan keselamatan di bengkel MPV-LN memenuhi keperluannya untuk melaksanakan program MPV-LN di peringkat sekolah. Namun begitu, guru MPV-LN menyatakan ketidakpastian mereka tentang 7 kursus lain seperti berikut, iaitu kursus-kursus yang berkaitan dengan perancangan perniagaan LN; motivasi usahawan (murid MPV-LN); pengurusan bengkel MPV-LN; pengendalian peralatan dan mesin MPV-LN; penyenggaraan peralatan dan mesin MPV-LN; pengurusan perniagaan berkaitan dengan MPV-LN; dan kursus meningkatkan kemahiran komunikasi murid MPV-LN.

Ketidakpastian guru MPV-LN tentang kursus-kursus tersebut wujud mungkin kerana maklumat yang telah disampaikan dalam kursus-kursus tersebut tidak begitu mencukupi memandangkan guru MV-LN kurang berpengalaman dalam bidang LN. Harus ingat di sini bahawa cuma sepuluh orang daripada empat puluh dua orang guru (23.8%) [Jadual 4.6] MPV-LN mempunyai pengkhususan dalam Landskap dan Nurseri (LN). Tambahan pula, program MPV-LN merupakan suatu program baharu yang menggunakan sukatan baharu.

Hasil temu bual dengan guru MPV-LN menunjukkan bahawa guru-guru MPV-LN masih memerlukan kemahiran dan pengetahuan yang lebih banyak daripada apa-apa yang diperoleh sekarang dalam pelbagai aspek seperti pengurusan bengkel MPV-LN melalui kursus MPV-LN untuk melaksanakan program MPV-LN di sekolah. Misalnya, seorang guru MPV-LN berkata, "*Saya kurang pengetahuan dari segi menguruskan*

stok. Buku stok dan menyusun dan mengurus stok saya kurang pandai.

Penyelenggaraan alat pun saya kurang pandai. Jadi, yang itu saya perlukan bantuan sebab pembantu yang ada kurang cekap” (TBGS4, baris 637). Guru MPV-LN juga didapati menghadapi masalah dalam melaksanakan aktiviti amali seperti model lanskap. Contohnya, seorang guru berkata, “macam sayalah dan beberapa orang guru di Negeri Sembilan ini menghadapi masalah nak membuat model landskap kerana tidak ada kepakaran” (TBGS5, baris 989).

Dalam pada itu, perlu diingati cuma lapan orang daripada empat puluh dua orang guru MPV-LN (23.8%) [Jadual 4.1] mempunyai pengkhususan dalam Landskap dan Nurseri (LN). Di samping itu, kebanyakan guru MPV-LN iaitu dua puluh empat orang daripada empat puluh dua orang guru MPV-LN (57.1%) [Jadual 4.1] mempunyai pengalaman mengajar MPV-LN kurang daripada enam tahun. Oleh itu, guru-guru MPV-LN memerlukan lebih banyak kursus MPV-LN untuk memenuhi keperluan mereka dari segi pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai aspek untuk melaksanakan program MPV-LN di sekolah. Perkara ini diakui oleh seorang guru dengan berkata, “*Tambahkan kursus peningkatan keilmuan untuk guru*” (TBGS3, baris 305).

Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian Azman Abd Ghani (2009) yang menunjukkan bahawa kursus dan latihan yang diberikan kepada guru-guru MPV masih tidak mencukupi. Kajian Azman Abd Ghani (2009) mengenai pelaksanaan komponen keusahawanan dalam kalangan murid mata pelajaran vokasional (MPV) menunjukkan guru MPV kurang mendapat pendedahan yang lengkap tentang komponen keusahawanan terutama dari segi praktikal. Kesan daripada itu, guru kurang bersedia dari segi ilmu dan kemahiran untuk melaksanakan komponen keusahawanan secara berkesan. Oleh itu, sekiranya guru-guru MPV-LN kurang pengetahuan dan kemahiran dalam aspek-aspek seperti pengurusan bengkel MPV-LN serta penyenggaraan dan pengendalian peralatan dan mesin MPV-LN, keyakinan guru-guru MPV-LN

melaksanakan program MPV-LN di peringkat sekolah sudah tentu terjejas. Hal ini demikian kerana seorang guru vokasional sangat bergantung kepada kursus untuk memenuhi keperluan mereka kerana kelulusan, pengalaman mengajar dan ciri-ciri demografi guru menunjukkan hubungan yang lemah dengan aspek keperluan pengetahuan guru vokasional (Lu & Mille, 2002). Tambahan pula, dapatan kajian Ismahana Ismail (2006) menunjukkan guru-guru MPV hanya bergantung kepada ilmu yang diperoleh semasa kursus yang dianjurkan oleh pihak KPM serta pengetahuan dan kemahiran bidang pengkhususan mereka semasa di maktab perguruan atau di universiti. Lebih-lebih lagi kebanyakan guru MPV-LN merupakan guru-guru Kemahiran Hidup kerana kajian Azizi Yahaya (1997) menunjukkan bahawa guru Kemahiran Hidup kurang kemahiran dan mencadangkan program latihan yang menyeluruh kepada guru-guru diadakan untuk meningkatkan kecekapan guru-guru dari segi kemahiran, pengetahuan dan keyakinan diri. Dapatan kajian Azizi Yahaya (1997) disokong oleh dapatan kajian Tam Phun Khaw (2006) yang menunjukkan bahawa keupayaan guru MPV mengajar kompetensi keusahawanan secara keseluruhan adalah rendah. Di samping itu, kajian Billy R. McKim & Ryan Saucier (2011) juga menunjukkan bahawa guru pertanian di sekolah menengah memerlukan kursus dalam aspek keselamatan dari segi pertolongan cemas, membetulkan keadaan bengkel yang bahaya, dan keselamatan am sebuah bengkel.

Maka, kursus-kursus MPV-LN untuk guru MPV-LN yang dikendalikan pada masa kini perlu dikaji semula supaya guru-guru MPV-LN dapat melaksanakan program MPV-LN ini di sekolah dengan baik. Hal ini demikian kerana pengalaman yang diperoleh dalam kursus mempunyai kaitan dengan peringkat keprihatinan guru tentang inovasi (Sukumaran, 1998). Sementara itu, hasil kajian Ahmad Jalaludin (2000) pula menunjukkan bahawa latihan perguruan adalah penting untuk memberikan pengetahuan kepada tenaga pengajar terutamanya dalam pengajaran dan pembelajaran. Menurut Siti

Atiqah Sharudin (2008), sekiranya guru-guru tidak dapat menjalankan tugas dengan baik, maka masalah seperti berikut, iaitu peralatan dan mesin yang rosak dan tidak mencukupi semasa menjalankan aktiviti amali; pembaziran penggunaan bahan kerja amali; dan kemalangan boleh berlaku. Beliau juga mendapati bahawa perkhidmatan yang diberikan oleh guru tidaklah seperti apa-apa yang telah dirancang pada awalnya. Oleh itu, sekiranya kursus yang diadakan untuk guru MPV-LN tidak memenuhi keperluannya dengan sepenuhnya, program MPV-LN tidak dapat dilaksanakan di peringkat sekolah dengan baik. Lebih-lebih lagi, guru pertanian pada masa kini bukan hanya mengajar ilmu pertanian tetapi juga pelbagai ilmu daripada domain lain yang telah diintegrasikan dengan kurikulum pertanian (Grady & Anna, 2009). Sungguhpun guru pertanian mendakwa bahawa program latihan guru serta kursus dalam perkhidmatan tidak menyediakan mereka untuk memenuhi keperluan khas murid (Kristin, et. al, 2010) tetapi penyelidik percaya bahawa kursus yang diikuti oleh guru MPV-LN harus memenuhi keperluan guru MPV-LN kerana guru MPV-LN masih bergantung kepada kursus tersebut untuk melaksanakan program MPV-LN dengan berkesan.

5.2.3 Perbincangan tentang Dimensi Input

Dalam dimensi input ini, peralatan MPV-LN serta kemudahan bengkel MPV-LN dinilai untuk melihat sejauh mana peralatan serta kemudahan bengkel tersebut mencukupi, bersesuaian dan berfungsi untuk melaksanakan program MPV-LN di sekolah menengah.

5.2.3.1 Peralatan MPV-LN

Dapatan kajian bagi peralatan MPV-LN dari segi mencukupi, bersesuaian dan berfungsi untuk melaksanakan program MPV-LN di sekolah menengah dibincangkan dalam bahagian-bahagian berikut.

Peralatan MPV-LN - Mencukupi

Pada keseluruhannya, guru dan murid MPV-LN menyatakan ketidakpastian mereka tentang kecukupan peralatan MPV-LN (peralatan tangan dan mesin) yang digunakan dalam pelaksanaan program MPV-LN di peringkat sekolah memandangkan pencapaian skor min purata guru MPV-LN dan murid MPV-LN ialah 3.27 dan 3.34 masing-masing berada di antara 2.61 – 3.40. Sungguhpun guru dan murid MPV-LN bersetuju bahawa peralatan tangan dan mesin MPV-LN adalah mencukupi untuk melaksanakan semua aktiviti dalam modul MPV-LN tetapi mereka menyatakan ketidakpastian mereka apabila ditanya sama ada peralatan tangan dan mesin MPV-LN MPV-LN yang sudah rosak (yang tidak boleh dibaiki) diganti dengan kadar yang segera atau tidak. Ketidakpastian ini wujud mungkin kerana penggantian peralatan tangan dan mesin MPV-LN dilakukan oleh pihak kontraktor swasta dan tidak melibatkan guru MPV-LN. Selain itu, urusan perekodan stok berkaitan dengan kerosakan, penyenggaraan, penggantian serta pelupusan peralatan MPV-LN (peralatan tangan dan mesin) mungkin tidak berjalan dengan lancar.

Dapatan kajian melalui temu bual menunjukkan aktiviti menggantikan peralatan tangan dan mesin yang sudah rosak (yang tidak boleh dibaiki) dengan kadar segera tidak berlaku secara lancar. Bahkan ada guru berkata, *“Kalau dari segi penyenggaraan, contohnya kan, saya dah 6 tahun pelaksanaan, maintenance tak turun. Dari segi repair*

enjin ke, saya repair sendiri dengan duit sekolah. Tak ada pun penyenggaraan” (TBGS3, baris 466). Masalah kekurangan penyenggaraan ini mendorong kepada kekurangan peralatan dan ini diakui oleh seorang murid dengan berkata, *“Ah, bila peralatan rosak, tak baiki, tak cukup peralatanlah”* (TBMS5, baris 1037).

Dapatan kajian ini menyamai dapatan kajian Rosnah Mustaffa (2004) yang telah mengenal pasti masalah kekurangan peralatan untuk menjalankan pembelajaran Seni Reka Tanda dalam Program Mata Pelajaran Vokasional. Dapatan kajian ini juga selari dengan dapatan kajian Affandi Abu (2004) yang mendapati bahan dan keperluan peralatan untuk MPV tidak mencukupi di beberapa buah sekolah di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan. Seterusnya, Farawahida Yassin (2009) juga mendapati salah satu kekangan yang dihadapi oleh guru MPV dalam melaksanakan program MPV di sekolah negeri Johor ialah aspek ketidakcukupan peralatan yang berada pada tahap sederhana.

Peralatan MPV-LN - Bersesuaian

Dapatan kajian menunjukkan guru dan murid MPV-LN bersetuju bahawa peralatan MPV-LN yang terdiri daripada peralatan tangan dan mesin MPV-LN adalah bersesuaian untuk digunakan oleh murid MPV-LN serta bersesuaian untuk melaksanakan semua aktiviti dalam modul MPV-LN memandangkan pencapaian nilai min purata guru MPV-LN dan murid MV-LN iaitu 3.81 dan 3.93 masing-masing berada di antara 3.41 – 4.20. Jadi, dapatan ini menunjukkan peralatan tangan dan mesin MPV-LN yang dibekalkan ke sekolah untuk melakukan semua aktiviti dalam modul MPV-LN adalah bersesuaian. Namun begitu, terdapat peralatan yang digunakan tidak begitu bersesuaian untuk digunakan di sekolah. Contohnya, peralatan seperti *sprinkler* yang digunakan tidak begitu sesuai kerana menurut seorang guru, *“Sprinkler yang sesuai tidak ada. Sprinkler rinjislah yang palng sesuai tetapi sprinkler ini sprinkler lama,*

untuk nurseri estet tak sesuai” (TBGS1, baris 633). Seterusnya, peralatan tangan dan mesin MPV-LN yang dibekalkan ke sekolah juga sederhana tinggi bersesuaian digunakan oleh murid MPV-LN.

Dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian Farawahida Yassin (2009) yang mendapati peralatan MPV yang digunakan di bengkel dalam pelaksanaan Mata Pelajaran Vokasional di sekolah menengah negeri Johor perlu ditukarkan kepada yang lebih moden dan sama dengan peralatan yang terdapat di industri supaya ia selari dengan keperluan teknologi masa kini. Farawahida Yassin (2009) berpendapat bahawa penggunaan peralatan moden bukan sahaja dapat menarik minat pelajar tetapi juga membolehkan murid menyesuaikan diri dengan peralatan tersebut dan mereka mendapat pengalaman yang boleh digunakan pada masa hadapan.

Peralatan MPV-LN - Berfungsi

Pada keseluruhannya, guru dan murid MPV-LN menyatakan ketidakpastian mereka tentang kefungsiian peralatan MPV-LN yang digunakan dalam pelaksanaan program MPV-LN memandangkan pencapaian skor min purata guru MPV-LN dan murid MPV-LN ialah 3.11 dan 3.32 masing-masing berada di antara 2.61 – 3.40. Guru dan murid MPV-LN tidak pasti sama ada peralatan tangan dan mesin MPV-LN yang sudah rosak (yang boleh dibaiki) dibaiki dengan kadar yang segera atau tidak supaya ia berfungsi semula. Keadaan ini mungkin wujud kerana aktiviti penyenggaraan peralatan tangan dan mesin MPV-LN serta pembaikan peralatan dan mesin MPV-LN yang rosak dilakukan oleh pihak kontraktor swasta dan pembantu bengkel. Ketidakpastian guru dan murid MPV-LN tentang kefungsiian peralatan MPV-LN yang digunakan berlaku mungkin kerana mereka kurang tahu tentang setiap peralatan dan mesin MPV-LN yang

digunakan dari semua aspek termasuk ciri-ciri dan kefungsiian setiap peralatan dan mesin MPV-LN yang digunakan oleh mereka.

Dalam pada itu, dapatan kajian melalui temu bual menunjukkan bahawa ada peralatan didapati tidak berfungsi sebab aktiviti penyenggaraan dan pembaikan peralatan MPV-LN yang rosak tidak dilaksanakan dengan lancar. Keadaan ini terbukti apabila seorang guru berkata, *“Alat kadang-kadang rosak, tiada orang untuk membaiki alat. Nurseri dah runtuh, dah dua tahun tidak dapat dibaiki”* (TBGS4, baris 594). Seorang murid pula berkata, *“Kita tolak kereta sorongpun susah, tayar ada bocor. Sudah lama macam itu. Kena ganti baru”* (TBMS5, 1041). Ini menunjukkan ada peralatan tangan dan mesin MPV-LN tidak berfungsi sepenuhnya atau tidak dapat digunakan dengan sepenuhnya oleh guru dan murid MPV-LN.

Dapatan kajian ini disokong oleh Siti Atiqah Sharudin (2008) yang dalam kajiannya mengenai faktor yang mempengaruhi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di dalam bengkel vokasional di dua buah sekolah menengah teknik di Negeri Sembilan mendapati peralatan tidak disenggerakan dengan baik. Oleh itu, beliau menekankan bahawa guru perlu memastikan kelengkapan bengkel seperti alatan tangan, mesin dan bahan yang diperlukan ketika amali ditingkatkan penyenggaraannya dan diuruskan dengan baik agar sesi pengajaran dan pembelajaran tidak terganggu. Dapatan kajian ini juga disokong oleh penyelidik sebelum ini, Sulaiman Serkawi (1994) yang menilai pelaksanaan projek percubaan komputer dalam pendidikan di 60 buah sekolah menengah mendapati sebahagian tugas pengajaran Literasi Komputer tidak dapat dilaksanakan kerana gangguan bekalan elektrik, kerosakan perkakasan dan perisian komputer serta masalah penyenggaraan. Tambahan pula, kajian Rosidi Md Sidik (2004) menunjukkan kebanyakan guru (80%) tidak mempunyai pengetahuan untuk membaiki kerosakan kecil komputer. Beliau menegaskan bahawa sekiranya mesin dan peralatan tidak disenggara secara berkesan, maka terdapat mesin dan peralatan tidak berfungsi

langsung dan faktor ini menyumbang kepada masalah ketidakcukupan peralatan. Oleh itu, suatu keadaan yang semua peralatan berfungsi sepenuhnya sukar untuk diwujudkan sekiranya terdapat masalah penyenggaraan dan guru kurang pengetahuan dalam aspek penyenggaraan serta pembaikan peralatan.

5.2.3.2 Kemudahan Bengkel MPV-LN

Dapatan kajian bagi kemudahan bengkel MPV-LN dari segi mencukupi, bersesuaian dan berfungsi untuk melaksanakan program MPV-LN di sekolah menengah dibincangkan dalam bahagian-bahagian berikut.

Kemudahan Bengkel MPV-LN - Mencukupi

Secara keseluruhannya, guru MPV-LN (min purata = 3.27) dan murid MPV-LN (min purata = 3.31) tidak pasti tentang kecukupan kemudahan bengkel MPV-LN memandangkan pencapaian nilai min puratanya berada di antara 2.61 – 3.40. Walaupun guru dan murid MPV-LN bersetuju bahawa kemudahan bengkel MPV-LN dari segi pengudaraan, pencahayaan, bekalan air, bekalan letrik, kerusi dan meja murid adalah mencukupi tetapi mereka tidak pasti mengenai kecukupan '*plug point*' (punca elektrik), bilik mandi, meja kerja, tandas, bilik penyalinan, ruang di bengkel serta ruang di stor kerana kemungkinan guru dan murid MPV-LN tidak tahu nisbah antara bilangan atau keluasan kemudahan-kemudahan bengkel tersebut dengan jumlah pelajar yang menggunakannya.

Walau bagaimanapun, guru dan murid MPV-LN bersetuju bahawa kemudahan bengkel MPV-LN iaitu kemudahan perabot untuk menyimpan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran MPV-LN adalah tidak mencukupi. Masalah kekurangan perabot

dalam bengkel MPV-LN untuk menyimpan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran MPV-LN sehingga bahan-bahan tersebut terpaksa disimpan di ruang pengajaran dan pembelajaran MPV-LN dijalankan terbukti apabila seorang guru MPV-LN berkata, *“keadaan bengkel saya ini memang sempit sebab kita tak ada ruang, dipenuhi dengan bahan P&P”* (TBGS5, baris 909). Sementara itu, seorang guru membuat rumusan dengan berkata, *“ Ada sekolah tak ada stor. Dari segi prasarana bangunan, memang tak lengkap. Satu Malaysia saya rasalah. Hampir, orang kata 80% (daripada semua sekolah) tak lengkap, tak menepati (prasarana bangunan)”* (TBGS5, baris 953).

Dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian Mohd Rizal Abdul Ghani (2008) yang menunjukkan bahawa kelengkapan dan kemudahan peralatan di bengkel MPV-LN tidak mencukupi untuk kegunaan pelajar MPV-LN. Hasil kajian beliau juga mendapati pelajar-pelajar MPV-LN merasakan keluasan bengkel tidak mencukupi untuk menempatkan pelbagai kelengkapan pembelajaran. Selain itu, pelajar-pelajar MPV-LN juga berasa kurang selesa dengan ruang yang disediakan di dalam bengkel semasa menjalani aktiviti pembelajaran. Kajian Farawahida Yassin (2009) juga mendapati kemudahan bengkel MPV berada pada tahap sederhana. Kajian beliau menunjukkan bahawa terdapat sekolah yang tiada kemudahan perabot seperti rak penyimpanan barang pelajar, rak penyimpanan hasil kerja pelajar dan sinki. Menurut Farawahida Yassin (2009), ketiadaan rak penyimpanan barang pelajar menyebabkan pelajar terpaksa meletakkan barangan mereka di kaki lima dan ia basah apabila hujan. Begitu juga, ketiadaan rak penyimpanan hasil kerja pelajar menyebabkan pelajar terpaksa membawa pulang membawa hasil kerja atau projek mereka yang belum siap. Keadaan ini mendatangkan risiko seperti pelajar terlupa membawanya semula ke sekolah untuk menyiapkan projek tersebut pada minggu berikutnya. Ketiadaan sinki di bengkel pula menyebabkan pelajar mengambil kesempatan untuk membuang masa dengan alasan pergi ke bilik air atau sumber air di tempat lain untuk membersihkan

tangan selepas menjalankan aktiviti amali. Dapatan kajian Rosnah Mustaffa (2004) pula mengenal pasti masalah ketidakselesaian semasa mengikuti pembelajaran Seni Reka Tanda (SRT) dalam Program Mata Pelajaran Vokasional disebabkan panas kerana kekurangan kemudahan kipas dalam bengkel SRT. Sebagai rumuan, hasil kajian Yusaini Mohd Yusop (2010) menunjukkan bahawa masalah utama dalam pelaksanaan Program MPV adalah dari segi perancangan dan pengurusan program ini terutamanya masalah bengkel MPV yang tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan, masalah pembekalan peralatan dan bahan pengajaran dan pembelajaran dan masalah ketiadaan peruntukan penyelenggaraan yang spesifik.

Kemudahan Bengkel MPV-LN - Bersesuaian

Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru dan murid MPV-LN, sama seperti kemudahan bengkel MPV-LN dari segi kecukupan, juga tidak pasti tentang kesesuaian kemudahan bengkel MPV-LN memandangkan pencapaian skor min purata guru MPV-LN dan murid MPV-LN iaitu 2.83 dan 2.77 masing-masing berada di antara 2.61 – 3.40. Guru dan murid MPV-LN tidak pasti tentang kesesuaian kerusi murid dan meja murid untuk pengajaran dan pembelajaran MPV-LN. Keadaan ini wujud mungkin kerana guru dan murid MPV-LN kurang pengetahuan dan pengalaman tentang kemudahan bengkel vokasional LN yang sebenar. Lebih-lebih lagi, kebanyakan bengkel MPV-LN merupakan bengkel kemahiran hidup yang telah diubahsuai. Namun begitu, guru dan murid MPV-LN menyatakan bahawa perabot untuk menyimpan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran MPV-LN serta meja kerja untuk menjalankan aktiviti MPV-LN adalah tidak bersesuaian. Berkaitan dengan meja kerja yang digunakan di bengkel MPV-LN, seorang guru berkata, “*Sebenarnya, ini bukan meja dia, sepatutnya mejanya seperti meja Kemahiran Hidup*” (TBGS1, baris 65). Dapatan kajian ini

disokong oleh dapatan kajian Farawahida Yassin (2009) yang mendapati kemudahan-kemudahan di bengkel MPV sama seperti peralatan MPV perlu ditukarkan kepada yang lebih moden supaya ia selari dengan keperluan semasa.

Kemudahan Bengkel MPV-LN - Berfungsi

Sama seperti kemudahan bengkel MPV-LN dari segi kecukupan dan kesesuaian, guru dan murid MPV-LN juga tidak pasti tentang kefungsiian kemudahan bengkel MPV-LN memandangkan pencapaian skor min purata guru MPV-LN dan murid MPV-LN iaitu 3.30 dan 3.17 masing-masing berada di antara 2.61 – 3.40. Guru dan murid MPV-LN bersetuju bahawa semua *plug point* (punca elektrik) dan lampu di bengkel MPV-LN berfungsi sepenuhnya tetapi mereka bersama tidak pasti tentang kefungsiian tandas di bengkel MPV-LN. Ketidakpastian guru tentang kefungsiian tandas di bengkel MPV-LN mungkin wujud kerana guru MPV-LN tidak kerap menggunakan tandas tersebut yang biasa digunakan oleh pembantu bengkel atau pekerja sekolah. Begitu juga, murid MPV-LN menyatakan ketidakpastiannya tentang kefungsiian tandas mungkin kerana mereka tidak berpeluang atau tidak dibenarkan menggunakan tandas di bengkel. Namun begitu, murid MPV-LN bersetuju bahawa bilik mandi di bengkel MPV-LN tidak berfungsi sepenuhnya. Keadaan bilik mandi yang tidak berfungsi terbukti apabila murid berkata, “*Bilik mandi ini (di bengkel) tak boleh pakai. Bilik mandi dekat sini dijadikan stor*” (TBMS5, baris 1077). Ini menunjukkan aktiviti penyenggaraan di bengkel MPV tidak berjalan dengan lancar serta kekurangan ruang di bengkel sehingga bilik mandi dijadikan stor.

Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian Ismahana Ismail (2006) yang mendapati kemudahan bengkel MPV yang telah disediakan di sekolah serta penyenggaraan bengkel berada pada tahap sederhana mengikut persepsi 34 orang guru

MPV yang melaksanakan program MPV di 16 buah sekolah menengah akademik harian biasa di Kedah. Begitu juga dapatan kajian Hassan Samsuddin (2008) yang meninjau tahap pelaksanaan pengurusan bengkel MPV di sekolah menengah akademik harian di tiga daerah di Selangor iaitu Kuala Selangor, Klang dan Kuala Langat melalui 55 orang guru MPV mendapati penyenggaraan bengkel MPV berada pada tahap sederhana. Sekiranya penyenggaraan bengkel MPV berada pada tahap sederhana, kemudahan bengkel MPV-LN yang digunakan dalam pelaksanaan program MPV-LN juga berada pada tahap sederhana berfungsi.

5.2.4 Perbincangan tentang Dimensi Proses

Dalam dimensi proses ini, sejauh manakah langkah-langkah keselamatan dilaksanakan dalam pelaksanaan program MPV-LN di sekolah menengah dinilai. Seterusnya, bagaimana pengajaran dan pembelajaran bermodul MPV-LN dilaksanakan juga dinilai. Di samping itu, sejauh manakah murid MPV-LN diberi peluang melakukan aktiviti mengikut keupayaan mereka serta sejauh mana murid MPV-LN mengetahui tanggungjawab dan hak mereka dalam pentaksiran kompetensi MPV-LN juga dinilai. Akhirnya, faktor-faktor halangan kepada guru MPV-LN dinilai untuk mengenal pasti faktor halangan utama bagi guru MPV-LN dalam pelaksanaan program MPV-LN di sekolah menengah.

Langkah-Langkah Keselamatan

Secara keseluruhannya, guru dan murid MPV-LN bersetuju bahawa langkah-langkah keselamatan MPV-LN diikuti memandangkan pencapaian skor min purata guru MPV-LN dan murid MPV-LN ialah 3.55 dan 3.39 masing-masing berada di antara 3.41 –

4.20. Sungguhpun begitu, guru dan murid MPV-LN menyatakan ketidakpastian mereka tentang langkah-langkah keselamatan seperti berikut, iaitu aspek lantai dalam bengkel MPV-LN sentiasa bersih; aspek lantai dalam bengkel MPV-LN sentiasa tidak licin; aspek *Fire extinguisher* (pemadam kebakaran) ada terpasang di bengkel MPV-LN; aspek *First Aid Box* bengkel MPV-LN (peti pertolongan kecemasan) sentiasa lengkap; dan aspek kawasan di persekitaran bengkel MPV-LN sentiasa bersih. Ketidakpastian tentang langkah-langkah keselamatan tersebut wujud mungkin kerana guru dan murid MPV-LN kurang memberikan perhatian kepada langkah-langkah keselamatan tersebut dan mengharapkan pembantu bengkel atau pihak kontraktor luar melaksanakan langkah-langkah keselamatan tersebut. Dalam pada itu, murid MPV-LN tidak bersetuju bahawa *Fire Drill* (latihan kebakaran) telah diadakan untuk murid-murid MPV-LN serta pelan keselamatan kebakaran dipamerkan di bengkel MPV-LN. Dapatan ini menunjukkan bahawa guru dan murid MPV-LN tidak mengambil berat serta mengutamakan aspek keselamatan terutamanya langkah-langkah untuk menjaga keselamatan manusia. Maklumat yang diperolehi melalui temu bual juga membuktikan langkah-langkah untuk menjaga keselamatan manusia kurang dititikberatkan. Contohnya, bahan kimia yang sepatutnya disimpan secara berasingan disimpan bersama-sama dengan bahan-bahan lain dalam suatu stor yang sama. Perbuatan ini diakui oleh oleh seorang guru apabila beliau berkata, "*Campur, kita tak ada ruang khusus. Kita campurlah semua*".

Sementara itu, didapati langkah-langkah untuk menjaga keselamatan peralatan dan barang daripada kecurian seperti mengunci bengkel selepas menggunakan bengkel dan mengunci stor MPV-LN selepas urusan kemasukan dan pengeluaran barang dilaksanakan dengan baik kerana aspek-aspek tersebut mencatatkan skor min lebih daripada 4.01 iaitu di antara 4.04 hingga 4.38. Keadaan ini menunjukkan bahawa langkah-langkah untuk menjaga keselamatan manusia tidak begitu dititikberatkan

berbanding dengan langkah-langkah untuk menjaga keselamatan peralatan dan barang daripada kecurian. Maklumat yang diperolehi oleh penyelidik melalui pemerhatian juga menunjukkan aspek keselamatan kurang dititikberatkan. Dalam pemerhatiannya di 5 buah sekolah, penyelidik mendapati pelan kebakaran tidak dipamerkan di bengkel MPV-LN dan amalan keselamatan seperti memakai sarung tangan dan kasut but kurang dititikberatkan.

Dapatan kajian ini menyokong dapatan kajian Hassan Samsuddin (2008) yang menunjukkan bahawa tahap pelaksanaan pengurusan keselamatan bengkel MPV adalah pada tahap tinggi tetapi aspek kebersihan bengkel MPV yang mempengaruhi aspek keselamatan berada pada tahap sederhana sahaja. Menurut Siti Atiqah Sharudin (2008), aspek kebersihan perlu dititikberatkan dalam bengkel vokasional kerana sisa pembuangan kecil di lantai boleh menyebabkan seseorang pengguna tergelincir atau terjatuh. Dalam pada itu, kajian Hassan Samsuddin (2008) adalah mengenai tahap pelaksanaan pengurusan bengkel MPV secara am dan tidak tertumpu kepada langkah-langkah keselamatan yang diamalkan oleh murid-murid MPV semasa menjalankan aktiviti amali sesuatu mata pelajaran MPV seperti MPV-LN dan kajian ini hanya tertumpu di sekolah menengah akademik harian di daerah Kuala Selangor, Klang dan Kuala Langat sahaja. Tambahan pula, data kajian diperolehi melalui soal-selidik sahaja dan tidak disokong oleh temu bual atau pemerhatian. Sementara itu, kajian Billy & Ryan (2011) menunjukkan bahawa guru pertanian di sekolah menengah memerlukan kursus dalam aspek keselamatan dari segi pertolongan cemas, membetulkan keadaan bengkel yang bahaya, dan keselamatan am sebuah bengkel.

Pengajaran dan Pembelajaran Bermodul MPV-LN

Hasil pemerhatian ke atas proses pengajaran dan pembelajaran bermodul MPV-LN berdasarkan lima persoalan berikut: (i) agihan masa untuk pengajaran teori dan amali; (ii) kaedah pengajaran; (iii) pentaksiran kompetensi; (iv) keselamatan; dan (v) interaksi guru-murid dibincangkan dalam bahagian-bahagian berikut. Di samping itu, (vi) masalah dan cadangan guru dan murid MPV-LN juga dibincangkan.

(i) Agihan Masa untuk Pengajaran Teori dan Amali

Berdasarkan pemerhatian yang dibuat ke atas lima orang guru MPV-LN di lima buah sekolah yang berlainan, didapati kesemua guru yang telah diperhatikan memperuntukkan lebih banyak masa (secara purata 90.3%) kepada aspek amali (*hands-on*) daripada aspek teori semasa proses pengajaran dan pembelajaran MPV-LN berlaku, selaras dengan perancangan program MPV-LN. Perkara ini juga menunjukkan guru MPV-LN memahami cara pelaksanaan pengajaran bermodul MPV-LN yang memberikan penekanan lebih kepada aktiviti amali (*hands-on*). Dalam pada itu, didapati 21% daripada jumlah masa yang diperuntukkan untuk pengajaran dan pembelajaran MPV-LN digunakan untuk urusan-urusan bukan pengajaran dan pembelajaran MPV-LN iaitu pengurusan kelas (seperti merekod kehadiran murid), persediaan murid (seperti membersihkan diri, menyalin pakaian) dan urusan persendirian guru (seperti masih berehat atau minum di kantin dan lewat masuk kelas). Ini bermaksud, secara purata lebih kurang 25 minit daripada 120 minit (MPV-LN biasanya menggunakan 3 waktu, dengan setiap waktu 40 minit) diagihkan untuk urusan-urusan bukan pengajaran dan pembelajaran MPV-LN. Pembaziran masa yang tidak produktif ini dapat dikurangkan sekiranya guru tidak lewat masuk kelas dan bengkel MPV-LN mempunyai tandas murid

dan bilik penyalinan yang mencukupi dan berfungsi. Dapatan kajian ini mengenai pembaziran masa akibat kekurangan kemudahan bengkel disokong oleh dapatan kajian Farawahida Yassin (2009) yang menunjukkan ketiadaan kemudahan bilik air di bengkel MPV menyebabkan murid MPV mengambil peluang dan membuang masa pergi ke bilik air atau sumber air yang berdekatan untuk membersihkan diri setiap kali selepas menjalankan aktiviti amali.

(ii) Kaedah Pengajaran

Berdasarkan pemerhatian serta temu bual dengan guru dan murid MPV-LN, didapati bahawa kaedah pengajaran demonstrasi dan tunjuk ajar merupakan kaedah utama yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran MPV-LN oleh guru-guru MPV-LN. Contohnya, semasa mengajar tajuk simen fero, guru mendemonstrasikan cara mengecat bahagian atas kerusi simen fero sambil berkata, *“Tengok baik-baik cara saya cat. Saya tak mahu tengok lubang-lubang pada permukaannya nampak tak dicat”*. Beliau kemudian memantau hasil kerja muridnya dan memberikan tunjuk ajar seperti: *“Yang ini ok”*, *“Yang ini nampak lubang”*, *“Saya tak mahu tengok lubang-lubang ini”* dan *“Buat semula ini”* (S2PM1).

Kaedah pengajaran tersebut memang sesuai dalam pelaksanaan pengajaran bermodul MPV-LN yang memberikan penekanan lebih kepada aktiviti amali (*hands-on*). Kaedah pengajaran begini memang digemari oleh muridnya kerana ia membolehkan murid mudah memahami sesuatu aktiviti kerana dalam temu bual, murid berkata, *“Senang faham kalau cikgu mengajar. Macam mana pun, kalau dia suruh itu, dia buat dulu, dia tunjuk dulu”* (TBMS5, baris 1005). Hal ini demikian kerana program MPV-LN memerlukan murid MPV-LN membuat aktiviti-aktiviti dalam modul pembelajaran MPV-LN seperti menanam pokok bunga, membuat tut, mencantas dan

membuat kerja-kerja penyenggaraan yang lain. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian Haznifah Ayub (2006) yang menunjukkan guru-guru MPV juga menggunakan kaedah pengajaran tunjuk cara atau tunjuk ajar bagi mengajar salah satu mata pelajaran MPV iaitu Seni Reka Tanda di sekolah di negeri Johor.

(iii) Pentaksiran Kompetensi

Berdasarkan pemerhatian serta temu bual dengan guru dan murid MPV-LN, didapati perkara-perkara penting yang sepatutnya diikuti dalam pentaksiran kompetensi dilaksanakan seperti yang dikehendaki. Murid-murid hanya ditaksir apabila mereka sudah bersedia untuk ditaksir. Contohnya, seorang guru berkata, *“Kita hanya taksir pelajar bila pelajar dah bersedia. Kita dah ajar dan dia dah faham dan dia boleh buat, baru kita taksir”* (TBGS2, baris 242).

Hasil kerja dan proses menjalankan sesuatu aktiviti menjadi rujukan penting semasa mentaksir kompetensi seseorang murid MPV-LN. Sekiranya seseorang murid tidak kompeten, murid itu diberi tunjuk ajar oleh guru serta diberi peluang untuk membetulkan atau membaiki hasil kerja sebelum ditaksir semula. Ini terbukti daripada maklum balas yang diperolehi daripada murid-murid MPV-LN seperti berikut:

“Buat semula, dia tunjuk, kalau tak kompeten” (TBMS1, baris 161). Kajian menunjukkan maklumat pentaksiran seperti tarikh dan masa pentaksiran diberitahu terlebih dahulu dalam bentuk jadual pentaksiran yang dilekat pada papan kenyataan di bengkel MPV-LN selaras dengan kehendak Lembaga Peperiksaan Kementerian Pendidikan Malaysia (2002b) yang menegaskan setiap murid perlu dibekalkan dengan segala maklumat mengenai pentaksiran kompetensi sebelum ianya ditaksir.

(iv) Keselamatan

Berdasarkan pemerhatian serta temu bual dengan guru dan murid MPV-LN, didapati aspek keselamatan tidak ditekankan dan dititikberatkan oleh guru dan murid MPV-LN, terutamanya semasa aktiviti amali dilaksanakan. Murid-murid MPV-LN didapati tidak memakai kasut but yang disediakan semasa mencangkul dan menggali lubang. Mereka juga tidak memakai sarung tangan dan tidak menutup mulut dan hidung semasa menyembur baja kimia. Tindakan sedemikian boleh menyebabkan murid-murid mendapat cedera parah tanpa disedari.

Maka, beberapa aspek keselamatan tidak dikuatkuasakan. Contohnya, pemakaian sarung tangan tidak dikuatkuasakan kerana seorang guru berkata, *“Bergantung kepada pelajar. Pelajar tak selesa pakai. Pelajar tak berapa minatlah pakai sarung. Kalau dia minta, kita beri”* (TBGS2, baris 273). Perkara ini tidak harus berlaku. Aspek keselamatan perlu diutamakan dalam aktiviti amali MPV-LN kerana ia melibatkan penggunaan bahan, peralatan dan mesin yang bahaya seperti bahan kimia, baja yang beracun, pisau yang tajam serta dawai besi yang tajam. Guru MPV-LN juga bertanggungjawab menjaga keselamatan para pelajar dan tidak harus berkata begini: *“Tentang keselamatan, bergantung kepada pelajar. Pelajar-pelajar sendiri kena jaga dirilah. Saya dah beritahu arahan awal tahun, kalau cedera pun, pasal kesalahan teniklah. Kerja-kerja ini memang bahaya, kerja-kerja MPV ini, terutamanya, di tapak landskap kerana ada besi...”* (TBGS3, baris 474). Dapatan hasil temu bual dengan guru MPV-LN menunjukkan aspek keselamatan yang sepatutnya diterangkan kepada murid MPV-LN dan diingatkan setiap masa hanya diterangkan pada awal tahun sahaja (permulaan program MPV-LN). Kepentingan aspek keselamatan ditegaskan oleh Siti Atiqah Sharudin (2008) dalam kajiannya dengan menyatakan bahawa aspek

keselamatan hendaklah dititikberatkan bukan sahaja ketika melakukan kerja-kerja amali malahan pada bila-bila masa sahaja ketika murid berada di dalam bengkel.

(v) Interaksi Guru-Murid

Berdasarkan pemerhatian, didapati interaksi antara guru dengan murid MPV-LN adalah baik dan harmoni. Guru MPV-LN kelihatan sentiasa mendekati, menegur dan berhubung dengan murid MPV-LN untuk memberikan tunjuk ajar dan penjelasan tentang tugas yang sedang dibuat. Murid-murid juga kelihatan seronok dan sering memanggil guru untuk mendapatkan penjelasan atau tunjuk ajar mengenai aktiviti yang dijalankan oleh mereka. Contohnya, semasa menjalankan aktiviti amali, murid-murid sentiasa bertanya kepada guru mereka sama ada aktiviti yang dilakukan itu betul atau tidak (S3PM1).

Begitu juga, guru didapati sentiasa bergerak untuk mendekati dan menegur setiap murid semasa mereka membuat aktiviti amali. Contohnya, semasa aktiviti membuat simen fero, guru duduk bersama-sama dengan muridnya di atas lantai, menegur dan memberitahu kesilapan mereka. Beliau juga kadang-kadang bergurau dengan mereka. Murid-murid berminat dan kelihatan seronok melakukan aktiviti mereka (S2PM1). Dapatan kajian ini disokong oleh dapatan kajian Rabiah Sikh Mohamad (2008), Mohd Rizal Abdul Ghani (2008) dan kajian Nor Hasheila Ismail (2009) yang menunjukkan majoriti murid MPV berminat untuk mengikuti program MPV.

Program MPV-LN yang lebih menekankan aktiviti amali (*hands-on*) menyumbang kepada interaksi antara guru dengan murid MPV-LN yang baik kerana setiap murid MPV-LN memerlukan tunjuk ajar guru semasa melakukan aktiviti amali tersebut. Ini terbukti apabila seorang murid berkata, "*Macam mana pun, kalau dia*

suruh itu, dia buat dulu, dia tunjuk dulu” (TBMS5, baris 1004). Bilangan murid yang rendah (secara purata 20 orang) serta setiap masa pengajaran dan pembelajaran yang panjang [secara purata 3 waktu (120 minit)] juga membolehkan guru berinteraksi dan mengenali setiap murid dengan baik.

(vi) Masalah serta Cadangan Guru dan Murid MPV-LN

Berdasarkan temu bual dengan guru MPV-LN, didapati murid MPV-LN yang lemah dari segi akademik merupakan salah satu masalah utama yang dihadapi oleh guru MPV-LN dalam pelaksanaan program ini di peringkat sekolah. Ada murid MPV-LN didapati tidak boleh membaca. Oleh itu, mereka tidak berupaya menjawab soalan teori.

Kekurangan kemudahan bengkel seperti ruang kerja dan stor yang sempit; kekurangan perkhidmatan penyenggaraan; dan pembantu bengkel yang tidak cekap merupakan masalah-masalah lain yang dihadapi oleh guru MPV-LN dalam pelaksanaan program MPV-LN di peringkat sekolah. Kekurangan kemudahan bengkel seperti ruang kerja dan stor yang sempit menyebabkan aktiviti amali tidak dapat dilaksanakan dengan selesai dan lancar. Kekurangan perkhidmatan penyenggaraan menyebabkan peralatan, mesin dan tandas di bengkel yang rosak tidak boleh digunakan.

Selaras dengan itu, guru MPV-LN mencadangkan bengkel MPV-LN dibesarkan. Murid MPV-LN juga mendapati ruang kerja di bengkel sempit dan perlu diluaskan. Murid MPV-LN mendakwa tandas di bengkel tidak boleh digunakan oleh murid MPV-LN dan hanya boleh digunakan oleh guru MPV-LN. Oleh itu, murid MPV-LN mencadangkan tandas dan bilik penyalinan untuk murid MPV-LN diadakan di bengkel. Di samping itu, murid juga meminta peralatan yang rosak seperti tayar kereta sorong diganti segera supaya peralatan dapat digunakan pada setiap masa dan mengelakkan kekurangan peralatan.

Dalam pada itu, guru-guru MPV-LN juga mendakwa bahawa mereka tiada kepakaran dalam cara membuat model landskap dan menguruskan stok. Oleh itu, mereka mencadangkan kursus peningkatan ilmu dan kemahiran guru MPV-LN diberi oleh pakar dalam organisasi kerajaan atau swasta seperti Jabatan Pertanian dan bukan diberi oleh guru setaraf dengan mereka. Di samping itu, guru MPV-LN juga mencadangkan supaya modul pembelajaran MPV-LN diubahsuai dan dikemaskinikan dengan unsur-unsur terkini. Contohnya, dalam pembuatan simen fero, konsep penggunaan '*mould*' dan '*fiber glass*' tidak dinyatakan dalam modul pembelajaran MPV-LN. Perkara ini penting untuk membolehkan murid MPV-LN melibatkan diri dalam dunia perniagaan dan menghasilkan produk yang berkualiti mengikut kehendak masa kini. Guru MPV-LN juga mencadangkan murid-murid MPV-LN diberi lebih banyak pengalaman praktikal pada masa cuti sekolah. Guru MPV-LN berpendapat bahawa perkara ini dapat dilakukan sekiranya Pejabat Pelajaran Daerah mengaturkan suatu kerjasama dengan agensi luar seperti nurseri swasta supaya murid MPV-LN mendapat lebih banyak pengalaman praktikal.

Peluang Melakukan Aktiviti Mengikut Keupayaan Murid MPV-LN

Pada keseluruhannya, murid MPV-LN bersetuju bahawa mereka diberi peluang melakukan aktiviti mengikut keupayaan mereka dalam kaedah pengajaran bermodul MPV-LN memandangkan nilai min puratanya ialah 3.71 berada di antara min 3.41 – 4.20. Maka, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pendekatan pengajaran bermodular yang berasaskan konsep atau pendapat bahawa murid dapat belajar dengan lebih baik sekiranya mereka belajar mengikut keupayaan mereka sendiri (Finch & Crunkilton, 1999) diamalkan oleh guru MPV-LN dalam pelaksanaan program MPV-LN di sekolah. Sungguhpun demikian, murid MPV-LN tidak pasti sama ada murid MPV-

LN dibenarkan oleh guru membuat aktiviti seterusnya dalam modul pembelajaran MPV-LN walaupun murid-murid lain belum menyelesaikan tugas lepasan mereka. Ketidakpastian tersebut wujud mungkin kerana murid MPV-LN kurang memberikan perhatian kepada perkembangan rakannya.

Tanggungjawab dan Hak Murid dalam Pentaksiran Kompetensi MPV-LN

Dapatan kajian menunjukkan murid MPV-LN bersetuju bahawa mereka mempunyai pengetahuan mengenai tanggungjawab dan hak mereka dalam pentaksiran kompetensi MPV-LN kerana pencapaian nilai min puratanya iaitu 3.72 berada di antara min 3.41 – 4.20. Maka, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru MPV-LN telah melaksanakan tanggungjawabnya sebagai pentaksir dengan menjelaskan kriteria yang digunakan untuk mentaksir sesuatu kompetensi kepada murid (Finch & Crunkilton, 1999). Sungguhpun demikian, ketidakpastian murid MPV-LN bahawa mereka hendaklah melaksanakan aktiviti secara individu tanpa bantuan guru dan rakan bagi setiap kompetensi yang ditaksir menunjukkan bahawa guru MPV-LN mungkin tidak menjelaskan tanggungjawab dan hak murid MPV-LN dalam pentaksiran kompetensi MPV-LN secara sepenuhnya.

Faktor Halangan Utama Pelaksanaan MPV-LN

Pada keseluruhannya, guru MPV-LN bersetuju bahawa murid MPV-LN menjadi faktor halangan utama yang menghalang proses pelaksanaan program MPV-LN di peringkat sekolah berdasarkan pencapaian skor min puratanya yang tertinggi iaitu 3.83 (berada di antara min 3.41 – 4.20). Guru MPV-LN sangat bersetuju bahawa murid MPV-LN mempunyai masalah kemahiran asas iaitu kesukaran mengira serta mempunyai motivasi

yang rendah kerana kedua-dua aspek tersebut mencatatkan skor min yang paling tinggi iaitu 4.24 (berada di antara min 4.21 – 5.00). Di samping itu, guru MPV-LN bersetuju bahawa masalah kesukaran membaca (min = 4.17), kesukaran menulis (min = 4.12), masalah sering berponteng sekolah (min = 4.10), sikap tidak bertanggungjawab (min = 3.88) serta masalah lambat menyempurnakan aktiviti/projek (min = 3.74) dalam kalangan murid MPV-LN juga merupakan halangan kepada guru MPV-LN untuk melaksanakan program MPV-LN di sekolah. Kesemua masalah tersebut mencatatkan skor min yang tinggi di antara 3.41 dan 4.20. Dalam pada itu, aspek-aspek tertentu yang lain seperti pentaksiran kompetensi yang memerlukan pengisian borang yang banyak; kerja-kerja pentadbiran (seperti pengurusan kelas dan lain-lain) yang banyak; dan tugas rasmi (seperti pegawai sukan dan lain-lain) di luar sekolah yang banyak juga merupakan halangan kepada guru MPV-LN dalam proses pelaksanaan program MPV-LN di sekolah. Sementara itu, maklumat yang diperolehi daripada respons guru kepada soalan terbuka dalam soal selidik menunjukkan bahawa halangan-halangan lain kepada guru MPV-LN dalam proses pelaksanaan program MPV-LN di sekolah adalah seperti ketiadaan waktu pengurusan bengkel, masalah pembantu bengkel, gangguan pelajar-pelajar bukan MPV, risiko kemalangan yang tinggi, ketiadaan perlindungan insurans dan waktu mengajar yang melebihi 24 waktu serta kerja bertulis yang banyak.

Sebagai rumusannya, faktor murid menjadi faktor halangan utama kepada guru MPV-LN dalam proses pelaksanaan program MPV-LN di peringkat sekolah. Tambahan pula, dapatan kajian menunjukkan 58.8% murid MPV-LN hanya mendapat Gred C atau Gred D dalam Kemahiran Hidup di peringkat PMR. Di samping itu, 4.4% murid MPV-LN pula tidak lulus Kemahiran Hidup. Hal ini menunjukkan murid-murid MPV-LN pada keseluruhannya lemah dari segi akademik walaupun mereka berminat untuk mengikuti program MPV-LN. Ini terbukti apabila seorang guru MPV-LN berkata, *“masalah utamanya, pelajar ini terlalu lemah dan tidak boleh baca”* (TBGS4, baris

611). Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian Mohd Nizam Jamsari (2004) yang mendapati pelajar-pelajar yang mengikuti MPV Landskap dan Nurseri mempunyai kemampuan kognitif yang sederhana kerana secara umumnya pelajar MPV merupakan pelajar yang berprestasi sederhana rendah dan rendah dari segi akademik. Begitu juga, kajian Rabiah Sikh Mohamad (Rabiah Sikh Mohamad, 2008) mendapati kesediaan pencapaian pengetahuan pelajar MPV dalam mengikuti MPV berada pada nilai yang sederhana. Hasil kajian mereka menunjukkan bahawa pelajar kurang mampu menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan MPV dengan cepat kerana kemungkinan pelajar-pelajar aliran MPV ini terdiri daripada pelajar yang kurang cerdas otaknya. Menurut Rabiah Sikh Mohamad (2008), masalah pelajar MPV yang kurang cerdas otak ini berkait rapat dengan pencapaian pelajar-pelajar MPV dalam peperiksaan PMR kerana rata-rata mereka terdiri daripada pelajar-pelajar yang pencapaian keputusan peperiksaan PMR mendapat gred C dan D dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup dan digolongkan dalam kelompok pencapaian akademik yang sederhana walaupun mereka mempunyai minat yang tinggi terhadap program MPV di sekolah. Stone III dan Alinga (2005) menegaskan bahawa peserta program vokasional yang mempunyai kelayakan akademik yang rendah boleh menjadi halangan kepada proses pelaksanaan sesuatu program secara berkesan.

5.2.5 Perbincangan tentang Dimensi Produk

Dalam dimensi produk ini, bagaimana program MPV-LN membantu murid lepasan program tersebut dalam kehidupan mereka dibincangkan. Di samping itu, masalah serta cadangan yang dikemukakan oleh murid lepasan program MPV-LN untuk menambah baik pelaksanaan program MPV-LN di peringkat sekolah juga dibincangkan.

Berdasarkan temu bual dengan lima orang lepasan program MPV-LN, dinamakan BM1,

BM2, BM3, BM4 dan BM5, didapati bahawa program MPV-LN memang membantu mereka dalam kehidupan seharian mereka. BM1 terlibat dalam kegiatan menanam sayur-sayuran. Pengetahuan mengenai cara menanam dan penjagaan pokok, struktur tanah, campuran tanah, jenis baja, pembiakan tut serta kefahaman mengenai pelbagai peralatan yang diperolehi dalam program MPV-LN di sekolah dapat digunakan oleh BM1 dalam penanaman sayur-sayuran.

BM2 telah melanjutkan pelajaran dalam bidang pengurusan hotel dan sedang membantu emaknya dalam perniagaan katering. Pengetahuan mengenai pokok-pokok bunga yang diperolehi dalam program MPV-LN di sekolah dapat digunakan oleh BM2 untuk membuat perhiasan di hotel serta membuat perhiasan dalam pelbagai majlis seperti majlis kenduri kahwin. BM3 pula sedang membuat diploma dalam bidang grafik berkomputer. Pengetahuan yang diperolehi dalam program MPV-LN di sekolah membolehkan BM3 memahami perkara asas seperti membuat pelan dalam kursus grafik berkomputer. BM3 juga boleh menggunakan pengetahuannya mengenai landskap untuk membuat projek akhirnya dalam kursus grafik berkomputer.

Sementara itu, BM4 telah melanjutkan pelajaran di Kolej Komuniti dalam bidang Landskap dan Nurseri dan menunggu peluang untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang yang sama di peringkat diploma. Pengetahuan asas mengenai landskap yang sudah diperolehi dalam program MPV-LN di sekolah memudahkan BM4 mengikuti kursus Landskap dan Nurseri di Kolej Komuniti. Sementara itu, BM5 sedang membuat pekerjaan sementara sebagai Pekerja Am di sebuah syarikat swasta yang terlibat dalam kegiatan pembersihan. Namun begitu, BM5 sedang berusaha untuk memperolehi pekerjaan di sebuah nurseri dan BM5 percaya bahawa pengetahuan yang diperolehinya dalam program MPV-LN membolehkannya memperolehi pekerjaan tersebut.

Suatu perkara yang ketara di sini ialah kesemua murid lepasan program MPV-LN (BM1, BM2, BM3, BM4, BM5) yang ditemu bual mengakui bahawa pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi oleh mereka dalam program MPV-LN di sekolah menengah dapat digunakan dalam kegiatan semasa mereka. Contohnya, BM1 yang terlibat dalam kegiatan menanam sayur-sayuran berkata, "*Saya, apa yang saya belajar dulu, sekarang, apa yang saya buat sekarang, cara-cara dia, nisbah dia (nisbah campuran tanah) dapat saya gunakan, jadi saya yakinlah.*" (TBBM1, baris 79). Dapatan kajian mengenai murid lepasan program MPV ini dikukuhkan lagi oleh dapatan kajian Mohd Saufi Rahman (2004) mengenai murid yang sedang mengikuti program MPV menunjukkan bahawa pelajar MPV bukan sahaja berminat mengikuti program MPV tetapi juga memahami bahawa kebolehan dan kemahiran yang diperolehi tersebut dapat diaplikasikan dalam kehidupannya.

Seterusnya, didapati bahawa daripada lima orang murid lepasan program MPV-LN (BM1, BM2, BM3, BM4, BM5) yang telah ditemu bual, empat orang murid (BM1, BM2, BM3, BM4) merancang untuk melanjutkan pelajaran pada masa depan untuk menambahkan pengetahuan dan kemahiran mereka berkenaan landskap dan nurseri (LN). Sementara itu, seorang murid (BM5) merancang untuk memperoleh pekerjaan tetap yang boleh menjamin masa depannya dalam bidang nurseri. Maka, program MPV-LN yang diikuti di sekolah nampaknya telah menimbulkan minat muridnya dalam bidang LN sehingga mereka merancang untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang tersebut. Namun begitu, tiada seorang pun daripada mereka berasa yakin dan bersedia untuk menjalankan perniagaan dalam bidang LN dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi daripada program MPV-LN di sekolah walaupun mereka suka berniaga. Hal ini demikian kerana mereka sependapat bahawa ilmu pengetahuan yang diperolehi melalui program MPV-LN di sekolah tidak mencukupi untuk membolehkan mereka melibatkan diri dalam perniagaan berkaitan dengan LN. Contohnya, BM1 berkata,

“Saya suka berniaga, tapi tak yakinlah (buka nurseri). Maklumat yang ada (ilmu tentang nurseri) yang ada ini tak banyak kan” (TBBM1, baris 115). Mereka juga berpendapat bahawa mereka tidak cukup kemahiran praktikal untuk membolehkan mereka melibatkan diri dalam bidang perniagaan. Contohnya, BM4 berkata, *“... sebab masa itu kita dekat sekolah, kita belajar juga dalam bidang keusahawanan tetapi belajar secara tersembunyiilah. Cara amalinya atau cara kemahiran itu saya belum ada lagi.. perlukan lebih banyak praktikal...Kalau nak buka perniagaan, kena sambung belajar lagilah”* (TBBM4, baris 528). Hal ini menunjukkan program MPV-LN membolehkan produknya iaitu murid-murid yang telah mengikuti MPV-LN di Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 melanjutkan pelajaran di peringkat tinggi serta membolehkan mereka mendapatkan pekerjaan. Sungguhpun demikian, program MPV-LN kurang menyakinkan mereka membuka perniagaan sendiri berkaitan dengan LN walaupun mereka berminat untuk berniaga.

Dapatan kajian ini menyamai dapatan kajian penyelidik sebelum ini iaitu Zahari Omar (1998) yang menunjukkan bahawa walaupun pelajar-pelajar Politeknik Sultan Ahmad Shah didedahkan dengan pembelajaran berbentuk praktikal untuk mendapatkan kemahiran tetapi mereka tidak yakin untuk menjadi usahawan kerana pembelajaran dalam bidang keusahawanan cuma dijalankan secara teori sahaja. Tambahan pula, kajian kes Roslina Haji Ahmad (2001) mengenai 82 usahawan kecil bumiputera Parit Raja di Batu Pahat mendapati tahap pendidikan teknik dan vokasional mereka di peringkat sekolah menengah tidak mencukupi dan mereka memerlukan latihan dan kemahiran teknik dan vokasional di dalam perniagaan yang diceburi. Sehubungan dengan itu, Zaidatol Akmaliah Lope Pihie (1993) menyatakan bahawa elemen-elemen keusahawanan tidak ditonjolkan secara langsung dalam kurikulum teknologi dan vokasional, maka murid lepasan sekolah yang mendapat sijil kemahiran vokasional hanya berfikir untuk bekerja dengan majikan dan tidak berfikir untuk membuka

perniagaan sendiri. Oleh itu, Zaidatol Akmaliah Lope Pihie (1993) menegaskan bahawa bakal usahawan perlu diberi pendedahan dunia perniagaan yang sebenar dan pendedahan tersebut harus bermula di peringkat sekolah untuk memandu arah murid untuk meminati bidang keusahawanan sebagai suatu bidang kerjaya. Pendapat Zaidatol Akmaliah Lope Pihie disokong oleh Cronan (2004) yang menyatakan bahawa kaedah yang berkesan dalam pengajaran keusahawanan ialah kaedah yang dapat menggambarkan realiti keusahawanan itu sendiri iaitu menjadikan usahawan yang sebenar sebagai model atau contoh yang boleh diteladani oleh murid. Sementara itu, kajian Mohamad Hussin (2006) mendapati motivasi guru, latihan staf dan pengajaran dan pembelajaran kontekstual memberikan sumbangan yang signifikan kepada hasil program. Dalam pada itu, Awoke (2010) mendapati hanya 30% guru pertanian kerap melibatkan murid dalam aktiviti keusahawanan seperti mewujudkan sesuatu produk yang spesifik, pemasaran, penjualan dan penilaian. Walau bagaimanapun, Paula (2009) mendapati kebanyakan murid tidak memilih kerjaya dalam bidang pertanian kerana pilihan kerjaya murid dipengaruhi kuat oleh ibu bapa serta anggota keluarga murid. Sama seperti Paula, kajian Rohana Abdul Rahim (2010) juga menunjukkan majoriti pelajar MPV Teknotani memilih kerjaya di bidang bukan pertanian tetapi beliau mendapati bahawa pilihan kerjaya paling dipengaruhi oleh jumlah maklumat kerjaya. Oleh itu, di samping pengaruh ibu bapa serta anggota keluarga murid, jumlah maklumat kerjaya yang diperolehi juga mempengaruhi pilihan kerjaya murid pertanian.

Masalah dan Cadangan Murid Lepas Program MPV-LN

Hasil temu bual dengan lima orang murid lepasan program MPV-LN (BM1, BM2, BM3, BM4, BM5) menunjukkan bahawa masa pengajaran dan pembelajaran MPV-LN sebanyak dua belas waktu seminggu tidak mencukupi. Murid lepasan program MPV-

LN itu berpendapat bahawa aktiviti amali serta masa untuk aktiviti amali perlu ditambah lagi supaya murid MPV-LN mendapat lebih banyak maklumat dan menjadi lebih mahir. Murid lepasan program MPV-LN mencadangkan hanya murid yang berminat sahaja dipilih untuk memasuki program MPV-LN. Mereka juga mencadangkan murid-murid yang mengikuti program MPV-LN dibawa melawat tempat-tempat yang ada landskap dan nurseri di luar sekolah untuk mengetahui maklumat terkini dalam bidang landskap dan nurseri. Di samping itu, murid lepasan program MPV-LN juga berpendapat bahawa pengajaran landskap haruslah lebih menyeluruh dengan mengajar pelbagai aspek yang lain seperti perhiasan halaman rumah dan tidak terhad kepada aktiviti membuat simen fero sahaja.

5.3 Kesimpulan Kajian

Berdasarkan dapatan kajian dan perbincangan di atas, kajian ini menyimpulkan bahawa;

- (i) Dapatan kajian mengenai profil guru menunjukkan bahawa hanya sepuluh orang daripada empat puluh dua orang guru MPV-LN (23.8%) telah memperoleh pendidikan dengan pengkhususan dalam bidang Landskap dan Nurseri sebelum menjadi guru MPV-LN. Oleh yang demikian, majoriti guru MPV-LN bergantung kepada kursus MPV-LN yang dihadiri untuk mendapatkan pengetahuan serta kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan program MPV-LN di sekolah. Seterusnya, kajian mengenai profil murid menunjukkan bahawa pencapaian akademik kebanyakan murid MPV-LN adalah kurang baik kerana lebih daripada separuh murid MPV-LN (58.9%) iaitu seramai seratus lapan puluh sembilan murid daripada tiga ratus dua puluh satu responden murid MPV-LN hanya mendapat Gred C atau Gred D dalam Kemahiran Hidup di peringkat PMR. Dalam pada itu, didapati

4.4% responden murid MPV-LN langsung tidak lulus Kemahiran Hidup di peringkat PMR tetapi sedang mengikuti program MPV-LN.

(ii) Dalam penilaian konteks, walaupun guru MPV-LN menyatakan bahawa kursus-kursus MPV-LN secara keseluruhannya memenuhi keperluannya untuk melaksanakan program MPV-LN di peringkat sekolah tetapi ketidakpastiannya tentang kursus-kursus yang berkaitan dengan perancangan perniagaan LN, motivasi usahawan (murid MPV-LN), pengurusan bengkel MPV-LN, pengendalian peralatan dan mesin MPV-LN, penyenggaraan peralatan dan mesin MPV-LN, pengurusan perniagaan berkaitan dengan MPV-LN dan kursus meningkatkan kemahiran komunikasi murid MPV-LN memberikan suatu gambaran bahawa guru MPV-LN mungkin masih kurang memahami kandungan kursus-kursus tersebut. Oleh yang demikian, guru MPV-LN masih memerlukan lebih banyak kursus untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuannya berkaitan dengan aspek-aspek seperti pengurusan bengkel MPV-LN, pengendalian peralatan dan mesin MPV-LN, penyenggaraan peralatan dan mesin MPV-LN, serta pengurusan perniagaan berkaitan dengan MPV-LN supaya program MPV-LN dapat dilaksanakan oleh guru MPV-LN di sekolah dengan sebaiknya.

(iii) Dalam penilaian input pula, walaupun guru MPV-LN menyatakan bahawa peralatan MPV-LN (peralatan tangan dan mesin) yang digunakan adalah bersesuaian tetapi mereka menyatakan ketidakpastian mereka tentang kecukupan peralatan MPV-LN (peralatan tangan dan mesin) yang digunakan dalam pelaksanaan program MPV-LN di peringkat sekolah. Keadaan ini menunjukkan guru MPV-LN mungkin tidak mengetahui nisbah bilangan murid dengan peralatan MPV-LN (peralatan tangan dan mesin) yang sebenarnya. Selain itu, aktiviti perekodan dan pengurusan stok

mungkin tidak berjalan dengan lancar. Guru dan murid MPV-LN juga tidak pasti tentang kefungsiannya peralatan MPV-LN (peralatan tangan dan mesin) yang digunakan kerana mereka mungkin kurang pengetahuan secara terperinci tentang ciri-ciri dan fungsi setiap peralatan dan mesin MPV-LN yang digunakan oleh mereka. Hasil kajian juga menunjukkan peralatan tangan dan mesin MPV-LN yang rosak (yang tidak boleh dibaiki) tidak diganti dengan segera. Aktiviti penyenggaraan peralatan tangan dan mesin MPV-LN perlu dilaksanakan dengan licin supaya peralatan dan mesin MPV-LN sentiasa berfungsi. Begitu juga aktiviti pembaikan dan penggantian peralatan dan mesin MPV-LN yang rosak perlu dilaksanakan dengan lancar supaya peralatan dan mesin MPV-LN dapat berfungsi semula.

Dari segi kemudahan bengkel MPV-LN, guru dan murid MPV-LN menyatakan ketidakpastian mereka tentang kecukupan, kesesuaian dan kefungsiannya kemudahan bengkel MPV-LN di sekolah. Ketidakpastian mereka tentang kecukupan '*plug point*' (punca elektrik), bilik mandi, meja kerja, tandas, bilik penyalinan, ruang di bengkel serta ruang di stor kerana guru mungkin tiada pengetahuan mengenai nisbah antara bilangan/keluasan kemudahan-kemudahan bengkel tersebut dengan jumlah pelajar yang menggunakannya. Sungguhpun begitu, kemudahan perabot untuk menyimpan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran MPV-LN didapati tidak mencukupi. Ketiadaan atau kekurangan pengalaman dan pengetahuan mengenai rupa bentuk bengkel LN yang sebenarnya mungkin menyebabkan guru dan murid MPV-LN tidak pasti tentang kesesuaian kemudahan bengkel seperti kerusi dan meja murid di bengkel MPV-LN sekolah. Ketidakpastian guru tentang kefungsiannya kemudahan bengkel seperti tandas di bengkel MPV-LN mungkin wujud kerana guru dan murid MPV-LN langsung tidak berpeluang atau

tidak kerap menggunakan tandas tersebut yang biasa digunakan oleh pembantu bengkel atau pekerja sekolah.

(iv) Dalam penilaian proses, didapati guru dan murid MPV-LN secara keseluruhannya mengikuti langkah-langkah keselamatan dalam pelaksanaan program MPV-LN. Namun demikian, dapatan kajian daripada pemerhatian dan temu bual menunjukkan bahawa amalan keselamatan yang patut diikuti oleh murid terutamanya semasa aktiviti amali dilaksanakan tidak diikuti. Contohnya, murid MPV-LN didapati tidak memakai kasut but yang disediakan semasa mencangkul dan menggali lubang. Mereka juga tidak memakai sarung tangan dan menutup mulut dan hidung semasa menyembur baja kimia. Seterusnya, pengajaran dan pembelajaran bermodul MPV-LN dari segi agihan masa pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan mengikut yang dirancang kerana kesemua guru yang telah diperhatikan memperuntukkan lebih banyak masa kepada aspek amali (*hands-on*) daripada aspek teori semasa proses pengajaran dan pembelajaran MPV-LN. Sementara itu, pembaziran masa berlaku kerana 21.04% (lebih kurang 24 minit) daripada jumlah masa yang diperuntukkan untuk pengajaran dan pembelajaran MPV-LN digunakan untuk urusan-urusan bukan pengajaran dan pembelajaran MPV-LN iaitu pengurusan kelas (seperti merekod kehadiran murid), persediaan murid (seperti membersihkan diri, menyalin pakaian) dan urusan persendirian guru (seperti masih berehat atau minum di kantin dan lewat masuk kelas).

Sehubungan dengan pengajaran dan pembelajaran bermodul MPV-LN, didapati kaedah pengajaran demonstrasi dan tunjuk ajar merupakan kaedah utama yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran MPV-LN oleh guru-guru MPV-LN. Kaedah pengajaran tersebut memang sesuai digunakan dalam pelaksanaan pengajaran bermodul MPV-LN yang memberikan penekanan lebih

kepada aktiviti amali (*hands-on*). Dari segi pentaksiran kompetensi MPV-LN, didapati perkara-perkara penting dalam pentaksiran kompetensi MPV-LN dilaksanakan seperti yang dikehendaki. Contohnya, murid-murid hanya ditaksir apabila mereka sudah bersedia untuk ditaksir dan hasil kerja dan proses menjalankan sesuatu aktiviti menjadi rujukan penting semasa mentaksir kompetensi seseorang murid MPV-LN. Tambahan pula, dapatan kajian menunjukkan murid MPV-LN bersetuju bahawa mereka mempunyai pengetahuan mengenai tanggungjawab dan hak mereka dalam pentaksiran kompetensi MPV-LN.

Interaksi antara guru dengan murid MPV-LN semasa pengajaran dan pembelajaran bermodul MPV-LN adalah baik dan harmoni. Guru MPV-LN kelihatan sentiasa mendekati, menegur dan berhubung dengan murid MPV-LN untuk memberikan tunjuk ajar dan penjelasan tentang tugas yang sedang dibuat. Di samping itu, murid MPV-LN bersetuju bahawa mereka diberi peluang oleh guru melakukan aktiviti mengikut keupayaan mereka dalam kaedah pengajaran bermodul MPV-LN.

Seterusnya, penilaian proses menunjukkan bahawa faktor murid merupakan faktor halangan utama bagi guru MPV-LN dalam proses pelaksanaan program MPV-LN di sekolah. Majoriti guru MPV-LN mendapati murid MPV-LN mempunyai masalah kemahiran asas 3M iaitu kesukaran mengira, membaca dan menulis. Di samping itu, murid MPV-LN yang sering ponteng sekolah, tidak bertanggungjawab, lambat menyempurnakan aktiviti/projek, kurang berminat serta sering mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran MPV-LN juga merupakan halangan kepada guru MPV-LN dalam proses pelaksanaan program MPV-LN di sekolah. Aspek-aspek tertentu yang lain seperti pentaksiran kompetensi yang memerlukan pengisian borang yang banyak; kerja-kerja pentadbiran (seperti pengurusan kelas dan lain-lain) yang banyak serta tugas rasmi (seperti pegawai

sukan dan lain-lain) di luar sekolah yang banyak; ketiadaan waktu pengurusan bengkel; dan masalah pembantu bengkel juga menjadi halangan kepada guru MPV-LN dalam proses pelaksanaan program MPV-LN di sekolah.

- (v) Dalam penilaian produk, dapatan kajian menunjukkan bahawa pengetahuan dan kemahiran MPV-LN dapat membantu murid lepasan program MPV-LN dalam kehidupan mereka seperti menanam sayur-sayuran, membuat catering, mengikuti kursus Landskap dan Nurseri di kolej serta mencari peluang pekerjaan di nurseri. Namun begitu, tiada seorang pun daripada mereka mempunyai keyakinan untuk menjalankan perniagaan dalam bidang LN dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh dalam program MPV-LN di sekolah kerana mereka berpendapat bahawa pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh di sekolah tidaklah mencukupi dan mereka perlu belajar lagi. Mereka juga berpendapat bahawa mereka tiada pengalaman dalam perniagaan. Murid lepasan program MPV-LN, seperti guru MPV-LN mendapati program MPV-LN tidak menyeluruh dan hanya berfokus kepada sesuatu aktiviti sahaja seperti simen fero. Murid lepasan program MPV-LN sama seperti guru MPV-LN berpendapat bahawa aktiviti amali dalam program MPV-LN ditambahkan supaya murid MPV-LN mendapat lebih banyak pengetahuan dan kemahiran dalam bidang LN.

5.4 Implikasi dan Cadangan Menambah Baik Program MPV-LN

Dapatan kajian ini telah memberikan beberapa implikasi pada peringkat pelaksanaan program di sekolah. Berdasarkan implikasi ini, beberapa cadangan disarankan untuk penambahbaikan pelaksanaan MPV-LN di peringkat sekolah mengikut dimensi konteks, dimensi input, dimensi proses dan dimensi produk seperti berikut:

- (i) Penyertaan murid MPV-LN yang sudah gagal dalam Kemahiran Hidup dalam program MPV-LN memberikan implikasi bahawa syarat atau peraturan yang ditetapkan dalam buku panduan pelaksanaan MPV-LN iaitu perolehan gred sekurang-kurangnya gred D dalam Kemahiran Hidup untuk mengikuti program MPV-LN tidak dipatuhi oleh pihak sekolah. Oleh itu, pihak PPD dan JPN perlu memantau pihak sekolah supaya syarat atau peraturan yang ditetapkan dalam buku panduan pelaksanaan MPV-LN diikuti dengan sepenuhnya.
- (ii) Dalam penilaian konteks, ketidakpastian guru MPV-LN tentang beberapa kursus seperti kursus perancangan perniagaan LN, pengurusan bengkel MPV-LN, pengendalian peralatan dan mesin MPV-LN, penyenggaraan peralatan dan mesin MPV-LN, serta pengurusan perniagaan berkaitan dengan MPV-LN sama ada kursus-kursus tersebut memenuhi keperluannya untuk melaksanakan program MPV-LN di sekolah memberikan implikasi bahawa guru MPV-LN mungkin memerlukan tunjuk ajar serta penjelasan yang lebih mendalam lagi. Oleh itu, dicadangkan lebih banyak lagi kursus seperti itu diadakan. Di samping itu, pengendalian dan kandungan kursus tersebut dikaji semula oleh pihak penganjur kursus supaya kursus tersebut dapat memenuhi keperluan guru MPV-LN dengan sepenuhnya dan membolehkan guru MPV-LN melaksanakan program MPV-LN di sekolah dengan lancar.
- (iii) Dalam penilaian input, aktiviti penyenggaraan, pembaikan, penggantian peralatan serta kemudahan bengkel MPV-LN yang tidak dilaksanakan dengan lancar memberikan implikasi bahawa pihak kontraktor swasta yang dilantik untuk menguruskan aktiviti tersebut di atas tidak menjalankan kerjanya seperti yang

dikehendaki. Selain itu, guru MPV-LN serta pembantu bengkel terlalu bergantung kepada pihak kontraktor swasta untuk menjalankan aktiviti penyenggaraan, pembaikan, penggantian peralatan serta kemudahan bengkel MPV-LN. Oleh itu, pihak yang bertanggungjawab iaitu pengetua sekolah serta Jabatan Pelajaran Negeri harus memastikan pihak agensi yang dilantik untuk membekalkan peralatan dan kemudahan bengkel MPV-LN serta memberikan perkhidmatan penyenggaraan di sekolah memenuhi tanggungjawab mereka mengikut kontrak yang ditetapkan. Dicadangkan juga pihak Kementerian Pelajaran dan Jabatan Pelajaran Negeri mengadakan kursus atau latihan kepada pembantu bengkel supaya mereka mempunyai kemahiran untuk menjalankan aktiviti penyenggaraan dan pembaikan peralatan serta kemudahan bengkel MPV-LN yang rosak pada setiap masa. Dengan cara ini, semua peralatan tangan dan mesin berada dalam keadaan berfungsi pada setiap masa dan pelaksanaan program MPV-LN di sekolah lebih berkesan. Di samping itu, ketidakcukupan kemudahan perabot memberikan implikasi bahawa hasil murid MPV-LN yang perlu disimpan sebagai bahan bukti pentaksiran untuk satu jangka masa tertentu tidak dapat disimpan dengan selamat. Dengan itu, dicadangkan bengkel MPV-LN yang mempunyai kekurangan kemudahan bengkel tersebut tadi dinaiktarafkan oleh pihak Kementerian Pelajaran.

(iv) Dalam penilaian proses, pengajaran dan pembelajaran MPV-LN yang menekankan aspek amali serta kaedah pengajaran demonstrasi dan tunjuk ajar memberikan implikasi bahawa pengajaran dan pembelajaran MPV-LN dilaksanakan oleh guru MPV-LN seperti yang dirancang oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia dan perlu diteruskan. Begitu juga pengetahuan murid tentang hak dan tanggungjawabnya dalam pentaksiran kompetensi MPV-LN; pentaksiran kompetensi MPV-LN; serta, interaksi antara guru dengan murid dilaksanakan

seperti yang dikehendaki dan harus diteruskan. Namun begitu, pembaziran masa secara purata lebih kurang 24 minit daripada 120 minit (3 waktu) untuk urusan-urusan bukan pengajaran dan pembelajaran MPV-LN iaitu pengurusan kelas (seperti merekod kehadiran murid), persediaan murid (seperti membersihkan diri, menyalin pakaian) dan urusan persendirian guru (seperti masih berehat atau minum di kantin dan lewat masuk kelas) boleh dikurangkan sekiranya guru tidak lewat masuk kelas dan bengkel MPV-LN mempunyai tandas murid dan bilik penyalinan yang mencukupi dan berfungsi. Di samping itu, pengabaian amalan keselamatan seperti pemakaian but semasa mencangkul, pemakaian sarung tangan dan penutup mulut semasa menyembur baja kimia memberikan implikasi bahawa kemalangan serius yang mengancam nyawa manusia boleh berlaku. Oleh itu, dicadangkan, pengetua serta pegawai Pejabat Pelajaran Daerah melawat bengkel MPV-LN kerap kali dan memastikan kesemua langkah keselamatan diikuti oleh guru dan murid MPV-LN. Seterusnya, faktor murid MPV-LN yang menjadi faktor halangan utama kepada guru MPV-LN kerana murid MPV-LN mempunyai masalah kemahiran asas 3M iaitu kesukaran mengira, membaca dan menulis boleh menjejaskan pelaksanaan program MPV-LN di sekolah. Justeru, pihak sekolah harus mengenal pasti murid-murid yang lemah dalam kemahiran asas 3M tersebut dan mengadakan program pemulihan semasa mereka berada di tingkatan satu lagi.

- (v) Kemudahan perabot di bengkel MPV-LN adalah tidak mencukupi. Implikasinya, hasil murid MPV-LN yang perlu disimpan sebagai bahan bukti pentaksiran untuk satu jangka masa tertentu tidak dapat disimpan dengan selamat kerana kekurangan perabot. Tandas di bengkel, menurut murid, hanya boleh digunakan oleh guru menyebabkan murid terpaksa menggunakan tandas lain yang terletak jauh dari bengkel. Akibatnya, banyak masa terbuang. Ruang bengkel yang sempit


menyebabkan murid-murid MPV-LN terpaksa duduk berdekatan semasa menjalankan aktiviti amali mereka. Keadaan ini sungguh berbahaya kerana murid-murid MPV-LN biasanya menggunakan benda-benda tajam seperti pisau, dawai dan besi. Dengan itu, dicadangkan bengkel MPV-LN yang mempunyai kekurangan kemudahan bengkel tersebut tadi dinaiktarafkan oleh pihak Kementerian Pelajaran.

(vi) Dalam penilaian produk, pengetahuan dan kemahiran yang di peroleh dalam program MPV-LN dapat digunakan oleh murid lepasan program MPV-LN dalam kehidupan seharian mereka memberikan implikasi bahawa program MPV-LN boleh membantu murid lepasan program MPV-LN (produk program MPV-LN) menjalankan kegiatan seperti menanam sayur-sayuran dan membuat catering. Namun demikian, ketiadaan keyakinan murid lepasan program MPV-LN untuk menjalankan perniagaan dalam bidang LN boleh menjejaskan pencapaian salah satu matlamat program MPV-LN iaitu membolehkan murid memulakan perniagaan. Oleh itu, dicadangkan pihak Jabatan Pelajaran Negeri atau Pejabat Pelajaran Daerah mengadakan satu kerjasama dengan agensi luar (seperti nurseri swasta) dan menempatkan murid-murid MPV-LN dalam suasana perniagaan sebenar yang berkaitan dengan LN pada masa cuti sekolah untuk membolehkan mereka mendapat maklumat dan kemahiran tambahan serta belajar bagaimana perniagaan dijalankan di nurseri. Di samping itu, pihak sekolah diwajibkan membawa murid-murid MPV-LN ke tempat-tempat yang ada landskap dan nurseri berkonsep baharu supaya murid dan guru MPV-LN terdedah dengan konsep-konsep baharu dalam landskap dan nurseri.

5.5 Cadangan Kerangka Konseptual Penilaian Pelaksanaan Program MPV-LN

Kajian ini bertujuan untuk menilai pelaksanaan program MPV-LN di peringkat sekolah menengah ke arah menambah baik pelaksanaan program tersebut. Bersesuaian dengan tujuan tersebut, maka kajian ini telah dijalankan dengan menggunakan Model CIPP Stufflebeam dan rakan (1971) sebagai kerangka konsep kajian ini. Maka, berdasarkan rumusan dapatan kajian ini berlandaskan dimensi konteks, dimensi input, dimensi proses dan dimensi produk, suatu kerangka konseptual penilaian pelaksanaan program MPV-LN dicadangkan untuk menilai pelaksanaan program MPV-LN di peringkat sekolah ke arah menambah baik program tersebut secara berterusan. Kerangka yang dicadangkan ini ditunjukkan dalam Rajah 5.1. Kerangka ini dibuat atas andaian bahawa penilaian dibuat ke atas pelaksanaan program MPV-LN di peringkat sekolah.

Berdasarkan kerangka ini (Rajah 5.1), pelaksanaan program MPV-LN di peringkat sekolah merangkumi empat dimensi iaitu dimensi konteks, dimensi input, dimensi proses dan dimensi produk. Oleh yang demikian, suatu penilaian yang komprehensif ke arah menambah baik sesuatu program seperti program MPV-LN dapat dilakukan dengan menilai setiap dimensi tersebut.



Rajah 5.1. Cadangan Kerangka Konseptual Penilaian Pelaksanaan Program MPV-LN ke Arah Penambahbaikan Program MPV-LN di Peringkat Sekolah

Berpendukankan Rajah 5.1, dimensi konteks mengenal pasti keperluan guru MPV-LN yang tidak dipenuhi. Program MPV-LN perlu mengenal pasti keperluan guru MPV-LN yang tidak dipenuhi supaya suatu persekitaran yang mendorong pelaksanaan program MPV-LN secara berkesan dapat disediakan. Dalam konteks ini, keperluan guru MPV-LN dari segi pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai aspek seperti penyenggaraan dan pengendalian peralatan dan mesin MPV-LN yang tidak dipenuhi ditinjau dengan menilai kursus-kursus MPV-LN yang telah diikuti oleh guru MPV-LN. Dalam pelaksanaan inovasi pendidikan seperti program MPV-LN, kursus yang diadakan untuk guru harus memenuhi semua keperluan guru untuk melaksanakan program MPV-LN dalam persekitaran sekolah. Sebarang keperluan guru yang tidak dipenuhi akan menjejaskan pelaksanaan program MPV-LN oleh guru MPV-LN di sekolah seperti yang dirancang.

Seterusnya, dimensi kedua iaitu dimensi input mengenal pasti dan mengukur keupayaan sistem yang bertanggungjawab (pihak sekolah) melaksanakan program MPV-LN di peringkat sekolah. Dalam dimensi input ini, peralatan MPV-LN dan kemudahan bengkel MPV-LN dinilai dari segi kecukupan, kesesuaian dan kefungsiannya kedua-dua input tersebut. Kekurangan atau kelemahan dalam mana-mana aspek tersebut akan menjejaskan pelaksanaan aktiviti atau kegiatan amali dalam program MPV-LN di sekolah. Maka, pihak sekolah yang bertanggungjawab melaksanakan program MPV-LN di peringkat sekolah mestilah berupaya menyediakan peralatan MPV-LN dan kemudahan bengkel MPV-LN yang mencukupi, bersesuaian dan berfungsi.

Dimensi ketiga iaitu dimensi proses yang merupakan dimensi yang paling penting mengesan kecacatan atau kelemahan dalam proses pelaksanaan program MPV-LN di peringkat sekolah. Dalam dimensi proses ini, lima aspek dinilai. Aspek pertama ialah langkah-langkah keselamatan yang diikuti dalam pelaksanaan program MPV-LN. Dalam program berbentuk vokasional seperti program MPV-LN, langkah-langkah

keselamatan perlu diikuti setiap masa untuk mengelakkan kemalangan yang tidak diingini. Aspek kedua ialah pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran program MPV-LN di peringkat sekolah. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran program MPV-LN diteliti dari segi pengagihan masa pengajaran, kaedah pengajaran, pentaksiran kompetensi dan interaksi guru-murid. Kegagalan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran program MPV-LN seperti yang dirancang akan menjejaskan hasil pembelajaran program itu. Seterusnya aspek ketiga dan keempat ialah peluang yang diberikan kepada murid MPV-LN melakukan aktiviti mengikut keupayaannya; dan, hak dan tanggungjawab murid MPV-LN. Aspek-aspek ketiga dan keempat ini perlu dipenuhi dalam proses pelaksanaan program MPV-LN yang mengamalkan pembelajaran bermodul dan pentaksiran kompetensi. Aspek kelima ialah halangan-halangan yang dihadapi oleh guru MPV-LN dalam pelaksanaan program MPV-LN. Halangan-halangan yang dihadapi oleh guru MPV-LN ditinjau dari segi kurikulum, guru, pentadbiran, modul, murid, pentaksiran, kompetensi, kewangan, masa, penjadualan waktu dan lain-lain. Halangan-halangan ini dikenal pasti supaya langkah penyelesaiannya dapat dirancang.

Dimensi keempat ialah dimensi produk. Dalam dimensi produk ini, pencapaian objektif atau matlamat program MPV-LN diukur dan ditafsir. Dalam konteks ini, bagaimana program MPV-LN yang telah diikuti di sekolah membantu murid lepasan program tersebut dalam kehidupan sehariannya diukur dan ditafsir. Pada keseluruhannya, dimensi konteks, input, proses dan produk adalah saling bergantung. Kelemahan dalam dimensi produk dari segi pencapaian objektif atau matlamat program MPV-LN menggambarkan kelemahan dalam dimensi proses. Seterusnya, punca kelemahan dalam dimensi proses boleh dikesan dalam dimensi input dan dimensi konteks.

Laporan penilaian yang diperoleh dalam dimensi konteks, input, proses dan produk ini berserta dengan cadangan penambahbaikan dikemukakan kepada Unit Pengawal dan Pelaksana di peringkat sekolah (pihak pengurusan sekolah) seperti ditunjukkan oleh anak panah dalam Rajah 5.1. Unit tersebut akan meneliti laporan tersebut sebelum membuat keputusan berkaitan dengan penambahbaikan pelaksanaan program MPV-LN yang akan dilakukan dalam dimensi konteks, input dan proses. Hasil penambahbaikan ini dapat dilihat dengan menilai semula dimensi produk. Sekiranya, terdapat lagi kelemahan dalam dimensi produk, langkah-langkah yang tersebut tadi akan diulang. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa aktiviti penyenggaraan dan pembaikan peralatan tidak berjalan dengan lancar. Dapatan kajian ini juga membuktikan bahawa langkah-langkah keselamatan seperti pemakaian kasut but semasa menggali lubang diabaikan. Oleh itu, dicadangkan Unit Pengawal dan Pelaksana diwujudkan di setiap sekolah yang melaksanakan program MPV untuk memastikan program tersebut dilaksanakan dengan berkesan.

Kesimpulannya, kerangka konseptual penilaian pelaksanaan program MPV-LN yang dicadangkan ini adalah bertujuan untuk menambah baik pelaksanaan program MPV-LN dan bukan untuk mencari kelemahan program itu. Oleh sebab kerangka ini dibentuk berdasarkan program MPV-LN yang menekankan pembelajaran bermodul dan pentaksiran kompetensi, maka kerangka ini sesuai digunakan untuk menilai pelaksanaan 21 mata pelajaran lain dalam program MPV seperti katering dan penyajian.

5.6 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian ini memberikan fokus kepada pelaksanaan mata pelajaran Landskap dan Nurseri di peringkat sekolah. Mata pelajaran Landskap dan Nurseri merupakan salah satu daripada dua puluh dua mata pelajaran vokasional yang ditawarkan dalam program

MPV-LN di peringkat sekolah menengah di seluruh Malaysia. Kajian ini melibatkan guru yang mengajar MPV-LN dan murid Tingkatan Empat yang sedang mengikuti program MPV-LN di sekolah-sekolah yang telah menawarkan program MPV-LN pada tahap pertama pelaksanaan program MPV, bermula tahun 2002. Dicadangkan kajian-kajian seterusnya memberikan tumpuan kepada aspek-aspek berikut:

- (i) Selain landskap dan nurseri, pelaksanaan dua puluh satu mata pelajaran vokasional yang lain dalam program MPV seperti katering dan penyajian; dan Seni Reka Tanda juga perlu dikaji. Ini boleh memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang pelaksanaan program MPV di peringkat sekolah.
- (ii) Di samping itu, dicadangkan kajian seterusnya memberikan fokus kepada dua atau lebih daripada dua mata pelajaran vokasional untuk membolehkan perbandingan mengenai pelaksanaan pelbagai mata pelajaran vokasional. Perbandingan penilaian antara pelaksanaan suatu mata pelajaran vokasional dengan suatu mata pelajaran vokasional yang lain boleh memberikan maklumat-maklumat yang penting untuk meningkatkan tahap pelaksanaan program MPV sekiranya pelaksanaan sesuatu mata pelajaran vokasional didapati lebih baik daripada pelaksanaan sesuatu mata pelajaran vokasional yang lain.
- (iii) Dicadangkan juga kajian seterusnya mengenal pasti tempat kerja murid lepasan program MPV-LN dan bertemu bual dengan majikannya untuk mengetahui produktiviti murid lepasan program MPV-LN tersebut. Dengan itu, produk program MPV-LN iaitu murid yang telah mengikuti program MPV-LN dapat dinilai dengan lebih baik lagi.

5.7 Penutup

Pada keseluruhannya, penambahbaikan pelaksanaan program MPV-LN perlu dilaksanakan di dimensi konteks, input, proses dan produk. Penilaian dimensi konteks menunjukkan bahawa kursus-kursus tertentu seperti perancangan perniagaan LN, pengurusan bengkel MPV-LN, pengendalian peralatan dan mesin MPV-LN, penyenggaraan peralatan dan mesin MPV-LN, dan pengurusan perniagaan berkaitan dengan MPV-LN, dikaji semula kandungannya serta diperbanyak lagi supaya program MPV-LN dapat dilaksanakan dengan lebih lancar dan berkesan. Penilaian dimensi input menunjukkan bahawa aktiviti penyenggaraan dan pembaikan peralatan serta kemudahan bengkel MPV-LN yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor/agensi swasta tidak berjalan lancar. Keadaan ini boleh menyebabkan peralatan dan kemudahan bengkel kurang berfungsi dan boleh mendorong kepada masalah kekurangan peralatan dan kemudahan bengkel MPV-LN untuk digunakan oleh murid MPV-LN. Kemudahan bengkel MPV-LN seperti kemudahan perabot untuk menyimpan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran MPV-LN didapati tidak mencukupi.

Penilaian dimensi proses pula menunjukkan bahawa walaupun pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan seperti yang dirancang dari segi agihan masa, kaedah pengajaran, pentaksiran kompetensi dan interaksi guru-murid tetapi aspek keselamatan masih kurang dititikberatkan semasa pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan. Murid MPV-LN yang lemah dalam aspek-aspek membaca, menulis dan mengira didapati menjadi faktor halangan utama bagi guru MPV-LN dalam melaksanakan program MPV-LN di peringkat sekolah. Seterusnya, dimensi produk menunjukkan bahawa pengetahuan dan kemahiran MPV-LN yang diperolehi oleh murid lepasan program MPV-LN dapat membantu mereka dalam kehidupan seharian mereka seperti pertanian, melanjutkan pelajaran dan dalam usaha mencari peluang pekerjaan yang lebih baik.

Namun begitu, tiada seorang pun daripada murid lepasan program MPV-LN yang ditemu bual mempunyai keyakinan untuk menjalankan perniagaan dalam bidang LN kerana tiada pengalaman dan kurang pengetahuan dalam bidang perniagaan LN. Keadaan ini akan menjejaskan pencapaian salah satu matlamat program MPV-LN iaitu membolehkan murid MPV-LN menjalankan perniagaan sendiri. Oleh yang demikian, penambahbaikan dalam produk (murid MPV-LN) dapat dilakukan dengan menambah baik dimensi konteks, dimensi input dan dimensi proses. Segala keperluan guru MPV-LN yang tidak dipenuhi dalam dimensi konteks perlu dipenuhi terlebih dahulu. Dengan memenuhi keperluan guru MPV-LN dalam dimensi konteks serta mengatasi segala kelemahan dalam dimensi input dan dimensi proses, produk (murid MPV-LN) yang berkualiti dapat dihasilkan.

Pelaksanaan program MPV-LN haruslah berterusan tetapi program MPV-LN ini perlu dimuatkan dengan lebih banyak aktiviti amali dengan unsur-unsur keperluan industri atau bidang LN semasa. Program MPV-LN juga harus diperkenalkan kepada para pelajar di sekolah menengah akademik bermula di peringkat tingkatan satu lagi. Langkah ini membolehkan murid MPV-LN memperoleh lebih banyak maklumat mengenai bidang LN dan seterusnya lebih yakin untuk menjadi seorang usahawan dalam bidang LN (dimensi produk). Pendek kata, keputusan berbentuk inkremental iaitu membuat keputusan-keputusan ke arah menambah baik program MPV-LN harus dilakukan secara berterusan di setiap dimensi (dimensi konteks, dimensi input, dimensi proses dan dimensi produk) supaya matlamat program MPV-LN dapat dicapai serta menjadikan program MPV-LN ini sebuah program yang berjaya.

Akhir kata, sumbangan kajian ini boleh dilihat dari segi literatur, kaedah, instrumen dan suatu kerangka baru untuk penilaian MPV. Dari segi literatur, dapatan kajian ini menambahkan ilmu pengetahuan dalam bidang penilaian pelaksanaan mata pelajaran MPV-LN. Ilmu pengetahuan ini dapat digunakan untuk menambah baik

pelaksanaan MPV-LN pada masa depan. Seterusnya, dari segi kaedah, kajian ini telah menyumbang satu gabungan kaedah kajian iaitu soal selidik, temu bual dan pemerhatian yang boleh diubah suai untuk menilai pelaksanaan 21 komponen MPV yang lain seperti Katering & Penyajian, Tanaman Makanan, Pengkomputeran dan Rekacipta Tanda. Dari segi instrumen, kajian ini telah menyumbang satu set soal selidik guru MPV-LN, satu set soal selidik murid MPV-LN, protokol temu bual guru MPV-LN, protokol temu bual murid MPV-LN dan protokol temu bual murid lepasan program MPV-LN yang boleh diubah suai untuk menilai pelaksanaan mata pelajaran lain dalam program MPV seperti Katering & Penyajian. Selain itu, kajian ini juga turut menyumbang suatu kerangka baru untuk penilaian pelaksanaan mata pelajaran MPV atau mata pelajaran berbentuk vokasional ke arah menambah baik pelaksanaannya di peringkat sekolah.